

M 814238

BUKU
BERTEMU
RUAS

AHMAD LUTFI OTHMAN



BUKU BERTEMU RUAS

AHMAD LUTFI OTHMAN

PENERBITAN PEMUDA
2B Jalan 13C Selayang Baru
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6162367

BUKU BERTEMU RUAS

Cetakan Pertama - November 1994
© Penerbitan Pemuda

Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, fotografi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakan-man atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbitan Pemuda.

Rekabentuk oleh *Aris Design*
17-1 Jalan 24/54
Hulu Kelang
54200 Kuala Lumpur
Tel: 2304488 # 36363

PENERBITAN PEMUDA
2B Jalan 13C Selayang Baru
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6162367

Dicetak oleh
CETAK KHIDMAT & NIAGA
101, Jalan Segambut Selatan,
Kuala Lumpur

M 814238

11 MAR 1996
4 Perpustakaan Negara

KANDUNGAN

Prakata Dari Penulis	7
Anwar Lawan Mahathir: Team Wawasan Berterabur!	9
Pengislaman Umno Tergugat Kerana Krisis Anwar-Mahathir?	15
Rahim Menteri Pelancongan Dan Berdahari Umno?	19
Anwar Hadapi Puaka Kerana Tuduhan Mahathir	23
Anwar Terselamat Dari Cubaan Membunuh?	28
Pas - Umno Bersatu Dizaman Anwar	31
Pemuda Umno Penakut	37
Pengikut Anwar Lebih Taksud Daripada Pengikut Ashaari	41
Ku Li Jawab Mahathir: Siapa Sebenarnya Kaki Hutang	47
Selepas Semangat 46 Berjaya Dilumpuhkan: Mengapa Mahathir Masih Gentar Dengan Ku Li?	57
Meluasnya Industri Arak Dan Judi: Kejayaan Malaysia Yang Memalukan	63
Bila Rakyat Tidak Hormatkan Polis Dan Hakim <i>Walking Tall</i> Menjadi Kenyataan	67
Hanya Umnoputera Yang Dapat Habuan	73
Skandal Ketua Pemuda Umno Kelantan Keuntungan Sekelip Mata RM302 Juta	79
Melaka Tidak Pedulikan Arahan Anwar	83
Ingatan Terakhir Musa Hitam: Dalam Politik Tidak Ada Kawan	87
Tanjung III Di Ambang Kejayaan Kit Siang Bertanding Parlimen?	91
Giliran Ketua Menteri Sabah Pilihan Raya Negeri Tahun Hadapan?	97
Surat Mahathir Kepada MB Kelantan: Hujah Umno Tolak Hudud	

PRAKATA DARI PENULIS

Buku ini dapat diselesaikan dalam masa yang amat suntuk, hanya dua hari sahaja demi mengejar tarikh Perhimpunan Agung Umno 1994. Tiada harapan lain kecuali ia dapat dimanfaatkan untuk kepentingan bersama.

Saya sengaja tidak menumpukan perbincangan kepada krisis Anwar-Mahathir kerana merasakan ada isu berkaitan yang lebih mustahak untuk dikongsi bersama. Namun jika krisis ini berlanjutan ia ibarat buku bertemu ruas, sama gagah, sama padan, sama segar.

Perbahasan tentang politik semasa menuntut penguasaan minda yang cerdas dan berpaksikan Tauhid.

Percaturan politik yang lepas bebas tanpa kawalan keimanan dan disulami akhlak yang cantik hanya merendahkan maruah dan martabat insan sebagai kejadian yang seindah-indahnya.

Saya termimpi-mimpi mahu menyaksikan isi khutbah Anwar Ibrahim menjadi realiti. Katanya, apa yang mahu kita bangunkan bukan gedung, bukan kilang, bukan jalan, tetapi mahu membangunkan manusia seutuhnya. Saya harap Anwar tidak hanya pandai bersilat lidah.

Akhirnya jutaan terima kasih buat anggota keluarga yang banyak mendorong saya agar terus menulis, khususnya isteri, Siti Hawa dan anak-anak, Ahmad Luqman Hakim dan Nurul Syafiqah, yang agak terabai sewaktu saya memungguh bahan-bahan rujukan.

AHMAD LUTFI OTHMAN

Selayang Baru

15 November 1994

1

ANWAR LAWAN MAHATHIR TEAM WAWASAN BERTERABUR!

Bukan benda yang pelik untuk kita mengandaikan Anwar akan menentang Mahathir secara terbuka, seperti Ku Li lawan Mahathir, ataupun secara lebih sopan, Musa lawan Mahathir. Menjadi semakin tidak pelik jika Mahathir berasa tidak senang kepada karenah Anwar dan berusaha menyekat kemaraannya.

Apalah yang hendak dihairankan sangat. Bukankah itu sudah menjadi tradisi dalam Umno zaman Mahathir? Politik cantas-mencantas, politik ampu, politik adu-doma, politik pecah-pecah perintah, bukan fenomena asing dalam Umno Baru.

Yang seronok kita tonton nanti ialah ke mana haluan Team Wawasan tajaan Anwar, jika benar-benar *Anwar la-*

wan Mahathir. Apakah mereka terus bersama Anwar atau bercempera mencari dahan yang selamat buat menggantung harapan?

Yang pasti Anwar bentuk Pasukan Wawasan untuk memastikan dia berjaya menyingkirkan Ghafar, Sanusi dan Pak Lah sekali gus. Dan Anwar sudah berjaya mencapai matlamatnya. Muhyiddin juga berjaya. Najib, walaupun berada di tangga kedua, turut berasa lega. Muhd Taib menumpang tuah. Rahim, dalam susah payah akhirnya menang juga.

Sekarang sudah tidak timbul lagi Pasukan Wawasan. Ia sudah berakhir dengan kemenangan Anwar mengalahkan Ghafar, Sanusi dan Pak Lah dalam satu masa. Masing-masing memikirkan survival diri sendiri. Ketiga-tiga Naib Presiden itu bukannya kuat sangat. Tapak sokongan terhadap mereka bersandarkan karisma Anwar.

Rahim boleh kita tolak ke tepi dulu. Tapi faktor Rahim juga tidak boleh dilupakan begitu saja. Rahim, setakat termampu olehnya, tidak akan bersara dari dunia politik. Selagi Mahathir menyenangnya, Rahim tetap mencuba nasib. Yang pasti, Rahim dan sekutu rapatnya tidak akan memberi, walaupun satu undi kepada Anwar. Rahim akan bermati-matian menyokong Mahathir. Mahathir banyak menabur jasa kepada Rahim terutama dalam kes gadis bawah umur.

Tanpa Mahathir, dengan tingkah lakunya selama ini, Rahim akan disembelih hidup-hidup, dan tiada tanah buat Rahim memijak, tiada langit buat Rahim berteduh, di Malaysia ini. Orang-orang ABIM sudah bersiap sedia menyambut tertiarapnya Rahim di Melaka. Peluang semakin terbuka buat mereka yang terbabit dalam projek peng-ABIM-an Umno.

ANWAR LAWAN MAHATHIR
TEAM WAWASAN BERTERABUR!

Namun begitu, tidak ada pihak yang percaya kes Rahim hanya diselesaikan di kamar Peguam Negara tanpa pengaruh Mahathir. Bukankah Peguam Negara bertanggungjawab sepenuhnya kepada PM, bukannya kepada Parlimen! Peguam Negara terpaksa mengetepikan segala bukti demi menjayakan kehendak Mahathir.

Bagaimana pula dengan Najib? Najib pun didakwa ada skandal dengan artis. Cerita ini masih belum selesai walaupun akhbar seakan-akan menerima penafian Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, buat sementara waktu. (Mana ada pemimpin Umno yang tidak ada skandal?) Walaupun ada pihak cuba mengaitkannya dengan rasuah dan penyalahgunaan kuasa (yang berkaitan dengan pembelian senjata dari Britain) tetapi Najib lebih popular dengan skandal seks.

Najib yang pernah menjadi timbalan kepada Anwar sewaktu menerajui Pemuda Umno selama tiga penggal tentunya masak dengan perangai Anwar. Demi peningkatan pengaruh di kalangan ahli-ahli Umno dan rakyat, Anwar bersedia menikam kawan, sama ada dari belakang atau depan.

Seperti yang saya tulis dalam *Siapa Dalang?*, Najib kini lebih selesa berteduh di bawah pengaruh Mahathir. Walaupun Najib rapat dengan Anwar, dan digandingkan semasa regu Anwar selepas ini tetapi Najib tahu kedudukannya di sebelah Anwar boleh digugat bila-bila masa. Dan di kala itu Anwar tidak akan mempertahankan Najib.

Tanpa ragu saya meletakkan Najib sebagai orang Mahathir. Lagipun, Najib juga bercita-cita tinggi. Najib pun mahu jadi PM. Apa kurang Najib untuk menduduki kerusi yang pernah dimiliki ayahandanya. Untuk menjadi PM, Najib mesti mengalahkan Anwar. Sebelum itu Najib harus

mengetepikan Muhyiddin terlebih dahulu. Mengalahkan Muhyiddin boleh diusahakan, tetapi Najib tentunya tidak akan berpuas hati hanya dengan menjadi timbalan kepada Anwar sepanjang hidupnya. Ini kerana Najib lebih kurang sebaya dengan Anwar. Kalau Anwar menjadi PM sampai berumur 70 tahun, Najib di waktu itu juga menjejaki ambang 70. Jika Anwar mahu berundur pun, Anwar pasti akan menaja calon baru yang lebih muda bagi menggantikannya. Maka Anwar dan Najib akan bersara serentak.

Muhd Taib? Muhd Taib tentu akan membataskan nafsu politiknya berdasarkan kemampuannya. Tapi orang politik selalunya tidak begitu. Selagi ada jalan untuk naik ke atas, peluang itu tidak akan disia-siakan. Hakikatnya sekarang, Anwar belum menentukan siapa yang akan menjadi orang no. 2 di belakangnya. Tokoh itu mungkin Muhyiddin, mungkin Najib, mungkin Muhd Taib, dan tidak terkecuali juga Kamaruddin Jaffar, atau Nazri Aziz atau Zahid Hamidi, atau yang lebih muda, Hishamuddin Tun Hussein!

Ini bermakna Muhyiddin, Najib dan Muhd Taib berpeluang untuk berentap sesama sendiri! Tapi yang kita bincangkan bukan pasal itu. Masalahnya, kalau Anwar berentap dengan Mahathir, siapa yang akan mereka sokong. Muhyiddin kini lebih dianggap condong dengan Anwar. Justeru itu Anwar perlu memikat Muhyiddin. Mungkin Anwar akan lepaskan jawatan Menteri Kewangan kepada Muhyiddin. Ini satu perjudian yang cukup besar buat Anwar kerana Muhyiddin juga rapat dengan Mahathir.

Anwar dijangka terus mengamalkan dasar Mahathir, pecah-pecah dan kemudiannya perintah. Kalau Mahathir boleh hancurkan masa depan Ku Li dan Musa serentak, apalah hebatnya sangat Najib dan Muhyiddin kepada

ANWAR LAWAN MAHATHIR
TEAM WAWASAN BERTERABUR!

Anwar. Kedudukan Anwar lebih terugat daripada apa yang berlaku kepada Mahathir di peringkat awal kerjayanya sebagai PM dan Presiden Umno, sekiranya Naib-naib Presiden yang ada bersatu hati. Nanti mereka akan bentuk team menentang Anwar.

Selain Naib-Naib Presiden Umno, tokoh-tokoh lain yang perlu diperhatikan ialah Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri. Pengaruh mereka amat besar khususnya atas kedudukan Ketua Perhubungan Umno Negeri dan peluang mengaut kekayaan, yang serpihannya digunakan untuk membeli undi.

Rasanya kalau ditanya nurani Anwar, ramai MB dan KM yang akan dibersarakan. Tanpa MB atau KM yang cekap dan bersih kerjanya, serta kesetiaan terhadapnya tidak dipertikai, segala perancangan pembangunan negara amat sukar dijalankan. Ramai MB yang ada sudah melepasi tiga penggal khidmat mereka dan logiknya mereka ini, sebahagiannya dipindahkan ke pusat (sekadar memberi tempat terakhir sebelum bersara terus dari politik) atau diminta secara terhormat mengundurkan diri.

Jawatan Kabinet tidak sepeenting kedudukan di peringkat negeri. Kekuatan Anwar terserlah jika dia dapat memaksa Mahathir mencari MB atau KM baru, yang terdiri dari kalangan anak-anak buahnya. Dengan itu kedudukan Osman Aroff, Ramli Ngah Talib, Wan Mokhtar dan sudah tentu Isa Samad pasti goncang. Tidak dipastikan apakah mereka ini akan ditukar ke pusat ataupun terus diberhentikan. Yang pasti, tentunya ada MB atau KM yang tidak berhijrah ke Kuala Lumpur kerana Anwar juga ada calon-calon tersendiri buat menerajui kementerian-kementerian tertentu.

Sifir politik Anwar harus tepat. Anwar mesti me-

muaskan hati orang-orangnya tanpa membuatkan amarah orang-orang Mahathir memuncak. Janji-janjinya semasa kempen menentang Ghafar dulu tidak boleh lagi ditangguhkan. Jangan dibiarkan anak-anak buah protes senyap-senyap, yang akhirnya mencetuskan bahaya yang bukan alang kepalang. Budi harus dibalas, janji harus ditepati.

Saya menjangkakan pengaruh Muhd Taib mudah merosot jika ada calon baru yang bertanding jawatan Naib Presiden Umno pada tahun 1996. Difahamkan bekas calon Ketua Pemuda Umno yang menarik ketika saat-saat akhir pengundian, Syed Hamid Albar akan bertanding jawatan Naib Presiden. Setiausaha Politiknya yang agresif, Saifuddin Nasution pasti mempunyai agenda istimewa buat Syed Hamid bagi memenangi kerusi berkenaan.

PENGLISLAMAN UMNO TERGUGAT KERANA KRISIS ANWAR-MAHATHIR?

Walaupun ramai peminat politik tanahair yang suka mendengar gelembong krisis Anwar - Mahathir, ada juga yang membaca buku saya itu dengan sinis sekali. Mereka menuduh saya menjadi agen kepada Sanusi Junid dan lain-lain pemimpin Umno yang sebelum ini dikira tidak mempunyai peluang lagi dalam Umno.

Malah lebih teruk lagi, saya dianggap bertanggung-jawab sekiranya proses pengislaman dalam Umno gagal dilaksanakan, jika Anwar tertewas dalam "pertarungan" dengan Mahathir nanti.

"Hubungan Anwar dan Mahathir rapat, malah kian

akrab bila cerita tentang perselisihan mereka dihebohkan. Cerita itu tidak ada asas. Ia disebarikan oleh mereka yang sudah kecewa dengan penolakan ahli Umno dalam pemilihan lepas," salah seorang anak muda pengkagum Anwar memberikan pandangan, sambil membelek-belek buku terbaru saya, *Siapa Dalang?*

"Sanusi Jurid mungkin orang yang paling gembira dengan buku *Krisis Anwar - Mahathir*. Inilah peluang bagi Sanusi dan mereka yang senasib dengannya muncul semula dalam kepimpinan tertinggi Umno," sambungnya lagi. Anak muda ini mengenali saya semenjak di kampus lagi. Dia turut sama berdemonstrasi membantah pemecatan saya lapan tahun lalu. Selalu dia mengulangi kisah lama itu.

"Selain Sanusi, siapa lagi yang bergembira dengan buku aku?" Sengaja saya mahu melanjutkan perbualan sementara menunggu solat Jumaat, di sebuah gerai buku, sewaktu berlangsungnya ekspo di Masjid Negara.

"Pemimpin-pemimpin Umno yang tidak dapat turut serta dalam kebangkitan Islam dan proses pengislaman yang diterajui Anwar. Mereka bagaikan cacing kepanasan. Inilah peluang yang sedikit terbuka bagi mereka dalam usaha menyusahkan Anwar," pantas saja jawabannya.

"Golongan ini diam bukan kerana bersetuju tetapi terpaksa menurut arus. Mereka tahu arus Anwar terlalu kuat, tidak boleh dirempuh. Tetapi kalau ada kesempatan yang baik mereka akan menentang. Jika dulu mereka gunakan Ghafar, sekarang mungkin Mahathir diperalatkan," tambahnya.

"Yang kita bimbang takut-takut Mahathir termasuk perangkap kumpulan ini. Tapi dari segi peribadi Mahathir, aku yakin Mahathir tetap yakin dan percayakan Anwar,"

PENGISLAMAN UMNO TERGUGAT KERANA
KRISIS ANWAR-MAHATHIR?

sambungannya penuh bersemangat.

Memang, teman saya ini cukup yakin dengan proses penerapan nilai-nilai Islam Anwar lambat-laun akan mendatangkan hasil positif lagi Islamik. Beliau lebih suka dengan istilah pengislaman, bukannya penerapan nilai-nilai Islam.

Baginya, penyingkiran Rahim Tamby Chik adalah langkah awal membersihkan Umno dari pemimpin dan kelompok yang hanya pentingkan diri sendiri. Beliau yakin bahawa pilihan raya umum akan datang menyaksikan barisan calon Umno yang lebih berwibawa, bersih dan tidak mengamalkan rasuah.

"PM serius menentukan calon Umno boleh bekerja dengan berkesan, tidak tertakluk kepada senioriti. Lama tidak penting sekiranya tidak berupaya menampilkan kepimpinan yang baik."

Saya yakin kenyataannya ditunjukkan kepada ura-ura beberapa bekas pemimpin ABIM akan terpilih sebagai calon Umno. Tambahan pula teman saya itu adalah ahli ABIM yang komited.

"Aku percaya MB Perlis, Hamid Pawanteh begitu resah dengan penonjolan bekas pemimpin ABIM di negeri itu. Sebab itu macam-macam kenyataan yang dibuatnya," tambahanya lagi.

Beliau seterusnya menunjukkan kenyataan Mahathir yang mengulas keputusan Hamid mahu melepaskan jawatan Menteri Besar Perlis selepas pilihan raya akan datang. Dilaporkan Mahathir mahu wakil-wakil rakyat yang merasakan diri mereka tidak boleh lagi memberi sumbangan supaya bersara dengan sukarela. Mereka yang tidak boleh menyumbang sepatutnya berundur diri tanpa menimbulkan masalah.

"Saudara yakin Mahathir pentingkan calon yang bersih dan berakhlak dalam pilihan raya akan datang?" sampuk seorang penjual gerai buku.

"Tengok, apa yang Mahathir buat kepada Rahim. Mati-matian Mahathir pertahankan Rahim. Walhal seluruh negara tahu siapa Rahim. Saya dengar, Rahim tidak akan bersara dari pentas politik. Rahim akan kembali," tanpa menunggu jawapan penjual buku tadi terus menjawab pertanyaannya sendiri.

"Apa hujah Mahathir melantik Jeffrey Kitingan sebagai senator dan timbalan menteri, sedangkan dakwaan rasuah terhadapnya cukup besar dan hebat. Mahathir juga yang dakwa Yayasan Sabah kehilangan hampir RM4,000 juta semasa Jeffrey mengetuainya. Apa jadi dengan kes rasuah Presiden MIC? Orang ramai belum lupa bagaimana kes Vijandran diselesaikan," letupnya lagi. Barangkali agak lama dia mendengar rakan saya itu berceloteh dan berasa panas dengan kenyataan yang menyokong Mahathir.

"Mahathir tidak sebodoh itu untuk menerima kembali Rahim," jawab teman saya yang begitu beria-ia mahu menafikan krisis Anwar - Mahathir itu.

"Kalau Mahathir terima juga Rahim, apa komen yang boleh kita buat?" saya mencelah.

Rakan saya itu diam membatu.

"Di kala itu saya yakin Anwar tidak boleh bersabar lagi. Mahathir wajar diketepikan bersama Rahim," jawab penjual buku dengan nada selamba.

RAHIM MENTERI PELANCONGAN DAN BENDAHARI UMNO?

Sebagai orang politik Rahim nampaknya tidak berhasrat meninggalkan alam politik yang telah memperkayakan dirinya dan menjadikan begitu popular. Walaupun imejnya tetap terpalit dengan dakwaan rogol dan rasuah (2R) tetapi Rahim yakin Mahathir masih berkenan dengannya. Di sinilah peliknya Mahathir, orang semacam Rahim pun mahu dipertahankannya.

"Mungkin Mahathir tahu bahawa ramai lagi pemimpin Umno yang berperangai lebih teruk dari Rahim tapi masih bebas dan masih berkuasa. Rahim hanya menjadi mangsa keadaan dan eksploitasi akhbar milik Anwar," seorang teman memberi telahan.

"Apa pun muslihat Mahathir, orang seperti Rahim tidak patut ada dalam barisan kepimpinan Umno," saya mencelah.

Tinggalkan kes Rahim dengan isu sensasi itu. Orang pun sudah naik muak bercakap tentangnya.

Soalnya sekarang, benarkah Rahim akan ditarik ke pusat, bertanding di peringkat Parlimen, dengan mengetepikan Ibrahim Jendol, orang yang dikatakan dalang di sebalik pendedahan isu Rahim dengan gadis 15 tahun?

Kalau Mahathir memilih Rahim bertanding Parlimen, apa pula perasaan Anwar dan juak-juaknya, terutama sekali Nazri Aziz dan Zahid Hamidi yang sebelum ini seolah-olah berpatah arang dengan Rahim? Apakah Anwar akan berdiam diri begitu saja? Bagaimana pula reaksi Asaari, Ketua Pemuda Umno Melaka?

Jika Rahim ditakdirkan menang (kalau menang juga Rahim nanti, tak tahulah di tahap mana kesedaran politik orang-orang Melaka), benarkah desas-desus mengatakan Rahim akan dilantik sebagai Menteri Pelancongan dan Kesenian? Dengarnya ramai juga anak-anak gadis di kementerian berkenaan yang sudah berkira-kira mahu berhenti kerja.

"Alah ... apa kurangnya Sabaruddin Chik?" tegur teman saya tadi.

Mahathir begitu menyenangkan cara Rahim membangunkan pusat-pusat pelancongan di Melaka. Mungkin pengalaman Melaka itu mahu diterapkan di peringkat pusat. Lagi pula bukankah Mahathir kini cukup gilakan pulau-pulau indah? Nanti tak perlu lagi Mahathir berulang alik tiap-tiap minggu ke Langkawi atau Pangkor. Serah saja pada Rahim, habis cerita. Kes buruk Rahim lama-lama

orang akan lupa. Mahathir faham benar budaya Melayu. Yang penting Mahathir dapat kawal akhbar dan TV3 yang kini mulai menjauhinya dan tidak begitu hiraukan lagi nasihat Mahathir.

Tidak berhenti sekadar itu, ditiupkan lagi berita bahawa Rahim akan dilantik oleh Mahathir menggantikan Daim sebagai Bendahari Umno. Sebab itulah heboh sekejap pasal Daim akan letak jawatan, kononnya bahana krisis dengan Anwar. Jika berita ini benar, lagi bertambah beranglah Anwar, menikuslah Nazri.

Sudahlah dengan Daim pun Anwar berhadapan dengan pelbagai halangan dan onak duri yang cukup merimaskan, inikan pula dengan Rahim yang pastinya menaruh dendam dengan Anwar.

"Aku harap cerita Rahim ini adalah khabar-khabar angin saja. Era Rahim sudah berakhir. Kalau Mahathir terus juga 'kerja gila' ini, aku sokong habis-habisan Anwar menentangny," teman saya tadi kembali serius.



ANWAR HADAPI PUAKA KERANA TUDUHAN MAHATHIR

Sekurang-kurangnya Perdana Menteri telah lebih dari sekali bercakap tentang adanya dalang yang berperanan menangani penggulingan Tan Sri Rahim Tamby Chik dari jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno dan Ketua Menteri Melaka.

Kali pertama disebut setibanya dari kunjungan rasmi ke Turki dan kedua semasa berada di Jepun. Yang pertama kalimah yang digunakan ialah dalang dan kali kedua kalimah yang digunakan ialah ada orang yang baling batu sembunyi tangan.

Orang yang pertama bertanya tentang dalang itu ialah Nazri Aziz, pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno.

Dan sekarang seluruh rakyat patut bersama Nazri bertanya siapa gerangan yang baling batu sembunyi tangan itu.

Tan Sri Rahim Noor, Ketua Polis Negara mesti mengenal pasti orang itu. Dalang itu patut dikenali bagi memudahkan masyarakat memastikan apakah orang yang dimaksudkan itu sekadar menangani isu orang malang dari Melaka itu saja atau batunya tadi terbaling atau akan dibaling juga kepada pihak lain termasuk Perdana Menteri sendiri.

Jika benar dalang tadi wujud, maka yang pertama dia sudah pun menimbulkan kegawatan dalam Umno dan kerajaan. Pertama, pimpinan kerajaan berterabur. Bolehlah dikatakan tiada kestabilan dalam politik negeri itu sekarang.

Kesetiaan Ketua Pergerakan Pemuda Umno sekarang diperhatikan. Bekas menantu Sultan Selangor yang juga Naib Presiden Umno sudah mengira Pemangku Ketua Pergerakan itu seorang yang biadab. Walaupun Nazri sudah minta maaf kepada Dr Mahathir tetapi tuduhan biadab itu belum dicabar oleh Nazri.

Dalang yang ada batu di tangan dalam Umno mesti diselesaikan. Batu yang masih belum dibaling mesti dilucutkan dari tangan orang misteri itu.

Perdana Menteri tentu tidak bergurau atas masalah itu. Ia perkara besar yang boleh menggawatkan kestabilan politik negara. Seperti ada satu komplot yang bergerak dalam negara untuk merebut kuasa.

Cumanya, berapa besar dan bahaya mana dalang tadi dan sebesar mana batu yang dibalingnya itu? Jika ia sekadar menumbangkan Rahim, maka tidaklah wajar Umno bercempera, kerana Rahim pun bukannya baik

sangat dan dia pun bukan satu asset penting dalam Umno.

Rahim tidak mampu pergi lebih jauh dari yang dicapainya atas wibawa dan karisma sendiri. Dengan personalitinya, dia tidak mampu untuk menjadi Ketua Pergerakan Pemuda Umno. Latar belakangnya, tohmah yang DAP dedahkan mengenai harta dan prestasinya sebagai Ketua Menteri Melaka tidak mampu menjadikan dia lebih hebat dari Menteri Besar Kedah.

Dia tidak mampu mengalahkan Syed Hamid Albar dan Tan Sri Isa Samad untuk jawatan Ketua Pemuda itu atas kekuatan sendiri. Dia dapat mengetepikan orang itu atas sebab dia adalah proksi orang lain.

Jika tidak kerana Dr Mahathir hendak memberi sedikit keadilan kepadanya, maka dia sudah tentu menjadi sekerdil Datuk Azman Attar yang memimpin Umno Batu dulu. Dia tidak mungkin mengganggu politik dan kestabilan politik negara atas kekuatan sendiri.

Dia menjadi berharga semula apabila Perdana Menteri membangkitkan ada orang misteri dalam menangani isu Rahim itu. Perdana Menteri tentunya berkata demikian atas sebab yang lebih besar dari usaha mempertahankan Rahim.

Kegawatan politik negara atau kekuatan Kerajaan Pusat kini menjadi teka-teki kerana Perdana Menteri tiba-tiba memberi nafas kepada Rahim dan sekarang seolah-olah berjaya menyambung nyawa Rahim apabila Peguam Negara gagal mendapatkan bukti bagi mendakwa bekas Ketua Menteri itu.

Jika dalang itu kecil, maka tiada sebab Perdana Menteri menyebutnya lebih dari sekali. Dia boleh selesaikan tanpa menyebut wujud orang misteri itu.

Apa tujuan Perdana Menteri membangkitkannya lebih dari sekali kalau kewujudan dalang itu kerdil? Sudah tentu Perdana Menteri mahu menghadapinya secara terbuka dan mahu menyelesaikannya secara politik.

Inilah yang membimbangkan negara. Jika isu ini dihadapi secara terbuka seperti menghadapi Tengku Razaleigh yang memimpin Team B Umno dulu ataupun seperti menghadapi Encik Ghafar Baba dalam pemilihan Timbalan Presiden Umno, apakah kestabilan tidak keruh?

Suasana sudah cukup keruh ketika isu-isu tadi dihadapi. Maka yang terakhir ini juga cukup mencekam. Ia sudah tentu boleh merancakkan suasana.

Dunia seluruhnya menunggu apakah Dr Mahathir serius atau sekadar bergurau bagi mengelakkan orang dari tertumpu kepada angkara Rahim itu? Isu membebaskan Rahim boleh memanaskan suasana.

Peguam Negara yang tidak ada cita-cita politik menjadi buah mulut orang. Beliau sudah mengambil alih tempat Tun Hamid Omar yang menjadi Ketua Hakim Negara dulu dan semacam mahu menjadi Tan Sri Abu Talib yang menjadi Peguam Negara dulu.

Kedua-dua individu itu mempunyai imej tersendiri pada pandangan umum. Dengan kes Rahim ini, Peguam Negara yang baru ini tiba-tiba berada di sangkar yang sama juga. Dia sudah terseret sekarang dan mulai menjadi buah mulut di gerai-gerai, di bilik kuliah dan di perjumpaan politik.

Perdana Menteri menyedari nasib baru Peguam Negara itu. Apakah menimbulkan isu dalang menjatuhkan Rahim itu sekadar untuk mengalihkan supaya orang jangan menghukum Peguam Negara di luar mahkamah?

ANWAR HADAPI PUAKA KERANA TUDUHAN MAHATHIR

Perdana Menteri patut mendedahkan siapa dalang itu bagi mengelakkan berlaku teka-teki dan tuduh menuduh sesama Umno. Setakat ini kenyataan Perdana Menteri itu sangat menyusahkan hati Timbalan Presiden Umno. Orang menyangka dia dalang itu. Fitnah yang timbul dari kenyataan Perdana Menteri menyebabkan orang mencari dalang tadi. Orang yang bermusuh cuba menuding tangan kepada musuhnya.

Selagi Perdana Menteri tidak menyebut dalang itu, maka timbalannya yang menghadapi puaka. Ia melebarkan lagi fitnah kononnya kedua-dua mereka sudah bermasalah. Timbalan itu seperti berada di hujung tanduk. Tibakah waktunya? Atau Perdana Menteri itu juga bermasalah, seolah-olah tidak ada timbalan yang boleh kekal dengannya.



ANWAR TRERSELAMAT DARI CUBAAN MEMBUNUH?

Seorang bekas wartawan politik yang selalu membekalkan saya maklumat terkini memberitahu kes nahas helikopter terhempas yang dijadualkan menjemput Anwar di Perlis tempoh hari juga menjadi bahan politik yang menarik. Meskipun ia sudah berlangsung hampir setahun namun cerita mengenainya tetap segar.

Sebelum ini dikatakan ada kumpulan tertentu menyebarkan berita bahawa orang penting di Jabatan Perdana Menteri terbabit. PM sendiri rimas dengan cerita macam itu. Bagaimanapun ia tidak berlarutan kerana Anwar dan juak-juaknya tidak memanjangkan tragedi yang mengorbankan semua kakitangan di dalam helikopter berkenaan.

Tapi kali ini, menurut bekas wartawan politik, nahas tersebut mempunyai cerita versi baru. Nahas udara ini dikatakan ada hubungan dengan perbuatan khianat atau paling kurang kelalaian yang disengajakan. Benar atau tidak, ia sudah menjadi bahan sembang yang melekekakan.

Lebih mengejutkan bila tokoh yang dikatakan terbabit, sama ada secara langsung atau tidak langsung, ialah Menteri Pertahanan, Najib Tun Razak, yang juga Naib Presiden Umno. Dipanjangkan lagi cerita, hubungan Najib dan Anwar agak renggang dengan usikan nakal seumpama itu.

"Ini bukan lagi bahan gurauan yang melucukan. Ini satu pertuduhan serius, yang membabitkan kes bunuh. Bukan bunuh sebarang orang, tapi Timbalan Perdana Menteri." Naik seram sejuk mendengar cerita-cerita politik macam itu.

Kalau pun hubungan Najib dan Anwar retak dan tidak mesra seperti dahulu, janganlah sampai disabitkan dengan komplot membunuh. Ini sudah melampau. Ia boleh menyebabkan suasana dan persekitaran politik menjadi tegang dan kacau.

Di sebalik cerita-cerita seram seumpama ini terselit mesej tertentu yang ingin disampaikan. Pertama, apakah kerakusan pemimpin Umno untuk berkuasa dan mengekalkan kuasa sudah sampai peringkat yang berbahaya? Kedua, apakah dengan hanya berlaku kematian baru seseorang yang berada di bawah dapat melonjak naik?

Apakah ini bermakna, ada penyokong-penyokong Anwar yang berdoa semoga Mahathir ditimpa musibah yang berat hingga memaksa beliau meletakkan jawatan? Ini disebabkan mereka tidak dapat lagi menunggu lebih lama untuk memetik hasil kemenangan Anwar pada tahun 1993 lalu.

Begitu juga dengan penyokong tokoh-tokoh yang menunggu giliran untuk berkuasa selepas Anwar. Kebetulan Anwar masih muda, dan nampaknya cukup kuat. Logiknya, Anwar amat sukar ditewaskan melalui pertandingan. Anwar memiliki segala-galanya untuk mengekalkan kuasa dan seperti berupaya untuk maju setapak lagi kalau Anwar mahu. Saluran pertandingan tak nampak jalan. Jalan lain yang ada ialah, misalnya, mengharapkan Anwar ditimpa bala bencana yang dahsyat atau dengan bahasa kurang ajar, mati muda.

Andaian seumpama itu tidak wajar dijadikan bahan seloka. Soal ajal maut jangan dipersendakan. Politik negara maju pun belum sampai ke peringkat itu, inikan pula kita, yang masih segar dengan idealisme yang indah-indah.

"Cerita itu boleh timbul kerana dalam negara kita saluran demokrasi bagi menyalurkan pandangan secara tepat dan terbuka semakin tertutup. Peluang menewaskan pemimpin atasan melalui pentas demokrasi seakan tertutup. Kalau mahu terus berpolitik, harus bersedia dicucuk hidung dan menunggu berlakunya kebetulan demi kebetulan yang menguntungkan," bwkas wartawan politik tadi terus berhujah.

"Bukankah orang politik tidak dapat menerima kebetulan ataupun takdir. Justeru itulah peristiwa tragik seperti nahas udara yang mengorbankan nyawa pun mahu disabitkan dengan komplot mereka yang bersaing di medan kuasa," saya menyambut hujahnya.

PAS - UMNO BERSATU DI ZAMAN ANWAR

Ramai pemimpin utama PAS sekarang adalah bekas rakan karib Anwar. Presiden PAS, Haji Fadzil Mohd Noor adalah bekas Timbalan Presiden ABIM sewaktu Anwar diamanahkan sebagai presiden gerakan Islam itu. Timbalan Presiden PAS, Haji Abdul Hadi Awang juga merupakan bekas pemimpin ABIM Terengganu. Naib Ketua Pemuda PAS, Mohamad Sabu yang cukup dikenali kelantangannya mengkritik Anwar juga pernah bergiat cergas bersama Anwar dalam ABIM.

Dari sudut ini mungkin ramai menjangkakan hubungan PAS dan Umno dapat diharmonikan, jika pun tidak berada dalam satu gabungan. Difahami hubungan

peribadi Anwar dengan pemimpin-pemimpin tertinggi PAS tidak putus. Walaupun Mahathir juga pernah berkempen di atas platform PAS tetapi ahli-ahli PAS tidak pernah merasakan Mahathir simpati dengan perjuangan PAS. Di kala itu Mahathir dalam keadaan tersepit dan memerlukan platform untuk bersuara dan dikenali umum.

Berbeza dengan Anwar yang cukup popular di kalangan ahli-ahli PAS sebelum beliau menyertai Umno. Anwar pernah diharapkan memimpin PAS, khususnya selepas era Asri berakhir dengan kekalahan PAS di Kelantan pada 1977. Walaupun ini cerita lama, yang mungkin Anwar sendiri tidak gemar mendengarnya kembali, tetapi untuk membaca politik Malaysia menjelang abad ke-21, jejak langkah Anwar wajar ditelusuri.

Sesungguhnya musuh utama Umno adalah PAS, selain musuh tradisi dari dalam parti sendiri. Semangat 46 nampaknya tidak mempunyai stamina dan nafas panjang dalam usahanya berhadapan dengan Mahathir. Populariti Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah ditenggelami oleh Mahathir dan Anwar, termasuk di kalangan pengundi Cina. Ramai pemerhati politik suka mengandaikan bahawa masa depan Semangat 46 kelam dan suram jika ditakdirkan Ku Li tidak lagi bersama parti Melayu itu.

Ini bermakna pemimpin Umno yang berkesan ialah mereka yang mampu berhadapan dengan cabaran PAS. Malahan usaha menyatukan orang Melayu terletak di tangan pemimpin Umno yang sedia diterima oleh pemimpin PAS. Umno juga hanya dapat mempertahankan keutuhannya sekiranya dapat mematahkan cabaran dan serangan PAS.

Bagi penyokong Anwar, mereka merasakan kriteria itu bersebiti dalam tubuh Anwar. Berbanding dengan Mahathir, yang sentiasa bersikap keras dengan PAS, khususnya dalam isu hukum hudud, Anwar didakwa lebih bersikap terbuka. Kalaupun Anwar juga turut menolak Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan, yang mengandungi hukum hudud di dalamnya, alasan yang diberi "tidaklah sebodoh jawapan Mahathir". Itu kata penyokong Anwar.

"Alasan tidak penting. Yang mustahak, Anwar juga menolak hukum hudud. Jadi, sama saja dengan Mahathir," tegas seorang penyokong PAS.

Cabaran dari PAS, secara bersendirian, tidak sukar untuk dijangka. Kekuatan parti itu masih tertumpu di Kelantan, Terengganu dan Kedah, serta Perlis. Selepas Kelantan ditawan semula PAS bersama Semangat 46, Umno hanya nampak dapat digugat di negeri-negeri itu, khususnya Terengganu. Bagaimanapun, menurut sumber, cabaran PAS di Terengganu tidaklah sehebat yang diduga. PAS dan Umno masing-masing dilanda masalah dalaman.

Namun begitu, cabaran PAS tetap hebat dan sengit. Orang Melayu yang semakin kritis dengan kerajaan BN tidak mustahil memberikan undi mereka kepada PAS, misalnya berdasarkan perkembangan yang berlaku di Melaka. PAS amat memerlukan barisan kepimpinan yang lebih mantap, berwibawa dan disegani di semua peringkat. Paling kurang, di peringkat awal, PAS harus bersedia menjadi pembangkang yang berkesan di negeri-negeri yang selama ini dikenali kubu kuat Umno, seperti Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang, serta Perak. PAS harus diwakili dalam Dewan Undangan Negeri-negeri tersebut.

Soalnya, benarkah Anwar mampu menjadi Almarhum Tun Abdul Razak yang kedua, dalam maksud berjaya mengurangkan ketegangan antara Umno, PAS dan Semangat 46? Memang diketahui umum Mahathir gagal bertindak sebagai bapa perpaduan. Umno sendiri diharamkan di zamannya, dengan kehendaknya sendiri. Kewibawaan badan kehakiman dan para hakim dinodai. Partiparti Melayu seperti Berjasa dan Hamim menarik diri dari BN. Bekas pegawai tinggi kerajaan yang ikhlas dimusuhi. Raja-raja Melayu disisih dan diadu-domba.

"Mahathir adalah bapa perpecahan politik Melayu. Kita amat perlukan seorang pemimpin Umno yang tidak berdarah panas, berlapang dada, dingin kepalanya, bersedia dikritik tetapi tetap tegas," pandangan seorang penyokong Anwar.

Orang Anwar tentunya mahu menonjolkan Anwar sebagai pemimpin Umno yang boleh diterima semua pihak. Nanti, jika Anwar berada di persimpangan kerjaya politiknya - mungkin bila berlaku pertandingan Anwar lawan Mahathir - juak-juak Anwar mahu orang Melayu merasakan amat rugi sekiranya Anwar tertewas. Tinggalkanlah Mahathir kerana Mahathir orang lama, tinggal menunggu hari saja lagi. Bagi mereka, Anwar adalah asset paling berharga buat orang Melayu dan umat Islam, tidak kira Umno, PAS, Semangat 46 ataupun mereka yang tidak berparti.

Media massa sudah lama berperanan untuk menonjolkan Anwar sebagai negarawan ulung. Anwar amat pentingkan imej dan penampilan, daripada isi sebenar, kerana Anwar tahu itulah yang diperhatikan oleh orang Melayu.

Maka berhabis-habisanlah Anwar mempamerkan ketokohan dirinya sebagai pemimpin muda yang mampu menghadapi cabaran zaman global ini. Jika ahli-ahli PAS boleh menerima Anwar sebagai Perdana Menteri mereka, maka banyak projek pembangunan untuk orang Melayu dapat dipercepatkan. Dibandingkan dengan Mahathir, rasanya Anwar lebih sensitif soal halal dan haram dalam mengemukakan apa-apa wawasan negara.

Orang Anwar juga menolak dakwaan bahawa Mahathir selama ini amat berjasa besar kepada Anwar. Kata mereka, jangan hanya dilihat jasa Mahathir, jasa Anwar kepada Mahathir bagaimana? Anwar sertai Umno ketika kebangkitan Islam memuncak. Umno Mahathir tanpa Anwar mudah ditolak oleh rakyat yang mahu menghayati cara hidup Islam. Anwar berjaya mengendurkan kemaraan PAS pada tahun 1982. Bayangkan Umno Mahathir berhadapan dengan PAS di bawah kepimpinan ulama dan di dalamnya juga ada Anwar Ibrahim.

Bagi kebanyakan orang, andaian ini tidak masuk akal. Bukankah Anwar semakin hampir ke Seri Perdana? Soal Anwar diterima oleh PAS atau tidak, bukan satu isu lagi. Anwar harus mantapkan kedudukannya sebagai pemimpin nombor wahid bagi ahli Umno dahulu. Memang secara logik tiada tokoh lain dapat menyingkirkan Anwar sekarang melainkan Mahathir. Tapi dalam politik, logiknya tidak semudah itu.

PEMUDA UMNO PENAKUT

Ketua Pemuda Umno Melaka, Asaari Ibrahim dinobatkan oleh akhbar-akhbar sebagai Jebat moden, berani menderhaka kepada ketua demi kebenaran. Asaari bersama rakan-rakan, yang dulunya berpaut di dagu dan di celah ketiak Rahim Tamby Chik, secara terbuka mendesak Mahathir tidak mencalonkan Rahim dalam pilihan raya umum akan datang. Walhal ketika itu Rahim telahpun menghantar surat permohonan kepada PM untuk meletakkan semua jawatannya.

Kata Asaari, sudah begitu lama dia berdiam diri melihat dan menyimpan kemungkarannya, Rahim. Cukuplah detik-detik waktu setua 13 tahun menyaksikan

sikap pak turut dan pak angguk Asaari bersama teman-temannya.

Inikah Pemuda Umno wajah baru pimpinan Nazri Aziz yang hanya berkesempatan menerajuinya tanpa melalui pertandingan? Berani menegur, berani menentang, berani mengecam, berani memaki, berani mengasak hanya selepas Rahim kehilangan jawatan. Inikah Pemuda Umno yang dibanggakan, diam seribu bahasa berhadapan dengan kemungkaran dan kemaksiatan, hanya kerana sedikit habuan kebendaan.

“Nak muntah aku dengar kenyataan Asaari ... weeeek ... week Inikah watak seorang anak jantan? Inikah bakal pemimpin Umno masa depan? Inikah wira Melayu? Kalau benar Jebat mengapa tidak berani menderhaka ketika Rahim berkuasa, ketika Rahim dipuja-puji, ketika Rahim mampu menyogokkan projek dan habuan keduniaan? Mengapa baru sekarang bersuara? Weeeek” Marah sungguh seorang teman bila membaca rencana yang menjulangkan nama Asaari sebagai Jebat. Kebetulan dia peminat Jebat. Sajak Kassim Ahmad dan drama Dinsman mengenai Jebat dibacanya berulang kali.

“Jijik, mual, geli-gelaman melihat sandiwara anak-anak muda Umno sekarang. Weeeek ... weeeek ... week Mahathir pun rasanya meluat tengok anak-anak buah Anwar berpolitik. Politik murahan, politik cari makan, politik pijak kepala orang,” sambungnya.

Dalam hal ini saya bersetuju seratus peratus luahan dari jengkilan rasa teman saya itu. Orang seperti Asaari sebenarnya memalukan watak Pemuda Umno. Tapi seperti kata orang, bapa borek anak rintik. Inilah juga yang ditunjukkan oleh kepimpinan Pemuda Umno lain. Semasa

Rahim berkuasa, semasa Rahim menjadi Ketua Menteri Melaka yang disegani, semasa Rahim dipilih sebagai regu Anwar dalam pemilihan 1993, tidak sedikit pun terdengar protes derhaka dari mana-mana Jebat.

"Tepi ... tepi sikit. Aku nak muntah bila ingat sandiwara Asaari. Weeek ... weeek" Teman saya itu terus berseloroh, tapi dengan nada serius dan bersungguh-sungguh.

Memang, Rahim pernah diangkat, dijulung dan disanjung setinggi-tingginya. Apakah waktu itu Rahim bersih akhlaknya, tidak terpalit dengan dakwaan sebagai kaki perempuan, tidak ditohmah mengamalkan rasuah dalam pentadbirannya? Jawapannya jelas: "Tidak, dan sama sekali tidak."

Rahim yang disanjung dulu, itulah juga Rahim yang dikeji sekarang. Kalau dulu kesalahan Rahim tidak dibuktikan, maka apa yang dikatakan kesalahan hari ini pun dinafikan oleh Peguam Negara.

Naib Ketua Pemuda PAS Pusat, Mohamad Sabu ketika berceramah di Melaka juga menyinggung masalah ini. Katanya, kalau kita hendak mengkritik atau menegur, biarlah ketika orang yang kita kritik masih berkuasa, bukan ketika dia sudah dinyahkan.

"Pemuda PAS berani menegur Perdana Menteri sewaktu dia ada kuasa. Pemuda PAS berani menegur Timbalan Perdana Menteri sewaktu dia ada kuasa. Pemuda PAS berani menegur Peguam Negara sewaktu dia ada kuasa. Bukannya seperti Pemuda Umno yang hanya berani menegur sewaktu Rahim sudah dilucutkan kuasanya."

Kita tidak mendesak Pemuda Umno bersuara lantang seperti parti pembangkang. Dalam Umno pun ada

kerukunan berparti, ada saluran dalaman yang boleh disampaikan. Tetapi kenyataan Asaari bahawa lebih 13 tahun dia berdiam diri menyaksikan kemaksiatan dan kemungkaran ketuanya adalah tindakan orang munafik yang amat tipis imannya.

Pemuda yang kuat imannya akan bertindak bila melihat kemungkaran. Dia akan bangkit mencegah dengan perbuatan ataupun bersuara bagi memastikan kemaksiatan itu dihapuskan. Tapi tindakan Asaari adalah tindakan pengecut dan golongan oportunist. Namun begitu tentunya tidak adil segala longgokan istilah penakut, pondan, dan seumpamanya ditimpakan kepada Asaari seorang.

Apa kurangnya dengan Nazri, yang dikatakan berada di belakang Asaari. Tidak mustahil Nazri yang menjadi dalangnya, dan di belakang Nazri disebutkan berdiri seorang tokoh maha hebat dan maha dahsyat, Anwar. Inilah yang menjadi kemarahan Mahathir: "Baling batu sembunyi tangan." Semasa pemilihan Nazri tidak segan-silu mengumumkan undinya yang rahsia diserahkan kepada Rahim.

"Lutfi, tak adil kau serang Asaari habis-habisan. Kesian sama budak tu. Roslan Kassim, Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan, apa kurangnya. Dulu dialah yang lantang menyarankan diboikot buku-buku politik, yang banyak darinya menghentam Rahim. Sekarang dia pula yang ke hulu ke hilir menyerang Rahim dan mempertahankan Nazri," tegur teman saya tadi.

"Biarkanlah mereka. Pemuda Umno ada mata dan telinga, tahulah mereka menilai baik-buruk pemimpin mereka."

PENGIKUT ANWAR LEBIH TAKSUB DARIPADA PENGIKUT ASHAARI

Satu perkara yang ditonjolkan dalam usaha kerajaan memerangi Arqam dan meruntuhkan personaliti pemimpinnya, Ustaz Ashaari Mohamad ialah soal fanatik atau taksub. Ketaatan dan sokongan pengikut-pengikut Arqam yang agak tinggi itu disifatkan sebagai satu sikap taksub dan taksub itu tidak sesuai langsung dengan Islam.

Saya tidak berhajat untuk menafikan segala tuduhan taksub itu kerana perkara itu boleh diputuskan oleh setiap orang yang mengikuti perkembangan. Jika orang bersetuju yang pengikut Arqam itu taksub, bukanlah kerana mereka telah diyakinkan oleh Pusat Islam dan Majlis Fatwa

Kebangsaan, tetapi mereka boleh membuat perbandingan sama ada Umno bercakap mengenainya atau tidak.

Saya pun bersetuju bahawa taksub itu suatu sikap yang tidak betul. Tetapi kalau amalan taksub itu ada di negara ini, ia bukanlah menjadi sifat dan masalah pengikut Arqam sahaja, malah ia juga adalah masalah dan penyakit yang ada pada Umno dan badan belia Islam yang memiliki seorang "syeikh".

Betapa adanya orang yang sanggup mati mempertahankan Dr Mahathir dan akan berbuat apa saja bagi mempertahankan kedudukan Dr Mahathir juga satu masalah yang besar dalam Umno sekarang. Adanya orang yang berpendirian betapa susahanya negara kalau tidak ada Dr Mahathir, malah maju mundur Malaysia bergantung juga kepada kepimpinan Dr Mahathir adalah satu bentuk taksub yang menjadi barah Umno sekarang.

Bukankah itu satu sikap taksub? Dalam semua pilihan raya sekarang gambar Dr Mahathir mesti dipamerkan. Malah dalam pilihan raya kecil, gambar beliau lebih banyak dari gambar calon. Bukankah ia satu dorongan taksub?

Usaha mendewa-dewakan Dr Mahathir hingga menamakan beliau Wira Dunia Ketiga dan berbagai-bagai lagi adalah satu perbuatan yang boleh menanamkan sifat taksub dan ia diusahakan oleh orang-orang yang memang taksub dengannya.

Sikitkah bilangan imam-imam dan ustaz-ustaz yang mencium tangan Dr Mahathir pada hal sikap dan pendirian beliau dalam hal-hal yang membabitkan isu agama diketahui umum. Mereka sendiri tahu. Tapi mengapa mereka mencium tangannya dan memujanya?

Ia adalah disebabkan oleh pendewaan dan taksub kepadanya. Pendewaan dan taksub itu bukan sekadar orang kampung yang tua yang sekolah atap dulu saja.

Maka saya terbaca sebuah makalah mengenai simposium kebudayaan Melayu antarabangsa beberapa tahun lalu yang disampaikan oleh seorang yang dianggap cendekiawan Islam muda di negara ini, berijazah doktor falsafah, menganggap Dr Mahathir seorang pemimpin Islam yang hebat malah layak menjadi khalifah.

Orang tahu kehebatan pimpinan beliau, tetapi untuk melayakkannya sebagai khalifah adalah suatu yang payah untuk disepakatikan. Tidak dinafikan ada orang fanatik terhadapnya akan beranggapan demikian. Tetapi kalau seorang ilmuan Islam bertaraf doktor falsafah pun beranggapan demikian, apakah ahli ilmuan itu bukan seorang yang taksub?

Terlalu banyak lagi contoh-contoh yang boleh diberikan bagi menyokong betapa Dr Mahathir didewakan dan beliau pun suka orang mendewa-dewakan beliau.

Sementara itu kisah sekitar seorang syeikh yang tak perlu namanya disebutkan adalah juga menyimpan dan merebut orang-orang yang fanatik atau taksub kepadanya. Dia juga dikelilingi oleh orang-orang yang taksub.

Orang-orang yang mengelilingi syeikh ini juga terdiri dari orang yang hebat-hebat. Orang-orang berpendidikan agama, cendekiawan Islam, profesor dan orang kaya-raya. Mereka fasih hadis dan firman. Mereka tekun berusrah dan membawa buku-buku karangan ahli fikir Islam dunia. Pendek kata orang yang tidak membaca tidak ramai bersamanya.

Orang-orang ini semua tidak akan menerima pandangan lain yang bertentangan dengan kemahuan syeikhnya. Politik wang itu adalah kotor. Semua orang tahu. Syeikh juga benci akan amalan itu. Malah syeikh ikut menentanginya.

Tetapi apabila syeikh berkata bahawa amalan itu suatu realiti dan tidak dapat dielak untuk mencapai matlamat, maka yang keji itu dibenarkan. Maka pada ketika yang sama syeikh juga main duit. Kenyanglah tembolok setengah orang-orang yang terlalu sayangkan syeikh tadi.

Guru-guru Islam itu tahu bahawa Israel itu musuh. Mereka bersama-sama menentang Anwar Sadat yang mengiktiraf Israel dulu. Tetapi sekarang Israel bertambah kuat.

Rakan-rakan syeikh tidak lagi bersuara menentang Israel. Israel hampir diiktiraf sekarang. Penyokong-penyokong syeikh tentunya masih tidak senang dengan Yahudi. Tetapi kerana syeikh bisu, bisu belaka mereka.

Syeikh belum berhajat untuk menjadi panglima Imam Mahadi dan belum terfikir untuk menjadi Imam Mahadi. Tetapi diyakini kalau syeikh ditakdirkan gila lalu berkata dia khadam Imam Mahadi dan dia juga sekali sekala terasa dia juga boleh menjadi Imam Mahadi, nescaya sebilangan dari orang-orang syeikh tadi akan gila macam gila orang-orang lain juga.

Ada sesetengah orang menunggu akan datangnya Imam Mahadi. Tetapi ramai pula orang taksab tadi tidak tidur siang malam menunggu bilakah syeikh nak jadi orang yang paling besar dalam dunia.

Kalau cara menjadi orang besar itu boleh dicapai melalui orang besar yang ada mati dulu, maka mereka mungkin berdoa supaya segeralah orang besar mati. Kalau caranya terpaksa tunggu dan patuh kepada orang yang ada selagi dia ada, maka semuanya tidak menentang segala keburukan yang berlaku bagi memastikan tiada halangan

PENGIKUT ANWAR LEBIH TAKSUB DARIPADA
PENGIKUT ASHAARI

bagi syeikh menggantikan orang besar.

Bukankah ini satu taksub yang berbahaya juga? Cuma orang-orang yang taksub tadi berjaya menyembunyikan taksubnya dalam berbagai-bagai baju. Tetapi jelas mereka tidak sedar yang mereka taksub dan tidak akan mengakui yang sifat taksub sudah membelenggunya.

Mereka merasa senang mengatakan orang lain yang taksub. Dengan membidas orang lain taksub, mereka fikir mereka tidak taksub. Bezanya mereka berduit dan berpelajaran tinggi, berpangkat profesor dan sebagainya, tetapi profesor yang taksub.

Rencana ini ditulis oleh Subky Latif.

KU LI JAWAB MAHATHIR SIAPA SEBENARNYA KAKI HUTANG

Pada mulanya saya tidak bercadang menjawab tuduhan yang dilemparkan oleh pemimpin parti yang berkuasa terhadap saya baru-baru ini. Apatah lagi jarang-jarang saya diberi keadilan untuk mendapat liputan yang adil oleh media-media tempatan.

Namun setelah serangan bertalu-talu terus ditujukan terhadap saya, ramai di kalangan yang bersimpati kepada saya meminta saya mengeluarkan kenyataan rasmi bagi menjawab tuduhan-tuduhan itu.

Saya dituduh tidak setia kepada negara kerana kononnya saya pergi ke luar negara untuk memburukkan Malaysia. Bahkan secara sinis beliau menyebutkan yang

asing berfikir. Semua orang tahu di negara kita politik wang sememangnya wujud. Mereka tahu bukan kerana saya yang beritahu mereka. Mereka tahu kerana semua orang bercakap mengenainya. Pemimpin besar dan pemimpin kecil parti Dr Mahathir sendiri bercakap mengenainya. Baik di kaca TV ataupun akhbar.

Semua orang tahu dalam Umno Baru, masalah ini telah menjadi amat serius sehingga terpaksa memanggil satu Perhimpunan Agung Khas dan meminda perlembagaannya. Masalah ini sudah menjadi seperti bangkai gajah. Kalau ada orang bertanya saya, bau apakah yang busuk itu? Saya sekadar beritahu mereka yang busuk itu ialah bangkai gajah. Kalau ada orang bertanya lagi, binatang apakah gajah itu? Saya sekadar berkata, gajah itu ialah binatang yang paling besar di negara ini. Oleh kerana ia amat besar maka bau busuknya pun amat kuat. Itu sahaja. Kalau saya tak cakap pun orang tetap akan menghidunya. Kalau semua orang terhidu baunya jangan salahkan saya. Salahkan mereka yang terlibat dalam masalah politik wang itu sendiri.

Ada yang meminta saya buktikan dakwaan penyalahgunaan kuasa dan pilih kasih pemimpin hari ini. Ini tidak sukar. Kenyataan yang dibuat sendiri oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di Parlimen baru-baru ini sudah cukup untuk rakyat menilainya.

Kenapa berjuta-juta saham diperuntukkan hanya untuk individu seperti Mirzan Mahathir (yang mendapat 1.5 juta saham syarikat Leader Universal yang kini bernilai lebih kurang RM14 satu saham. Sekiranya dijumlahkan, saham beliau kini bernilai RM21 juta yang diperolehi dengan mudah), Marzuki Datuk Ibrahim (1.5 juta saham syarikat Leader Universal), menantu Menteri, Fazrin

Azwar (1.5 juta saham syarikat Leader Universal) dan Megat Fairouz Junaidi Megat Jones (mendapat 14 juta saham FACB)?

Kalau mereka ini layak nyatakan apakah kelayakan mereka? Apakah rakyat jelata lain yang bukan suku-sakat para menteri semuanya tidak layak? Umum sudah tentu tahu betapa susahnyanya rakyat satu ketika dulu untuk mendapat borang memohon saham. Kalau pun bernasib baik mereka dapat hanyalah untuk sekadar satu atau dua lot sahaja peruntukan saham itu.

Apa yang dinyatakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian itu adalah secebis daripada amalan membolot kekayaan yang kini sudah menjadi kebiasaan.

Perdana Menteri turut menuduh sayalah orang yang bertanggungjawab menyebarkan desas-desus mengenai keretakan hubungan beliau dengan timbalannya. Saya tidak bercadang untuk membuat komen panjang mengenai perkara ini. Ini masalah mereka.

Lagi pula mana ada logiknya seorang yang tidak memiliki kuasa dan media massa seperti saya ini boleh mencetuskan khabar angin yang sebegitu hebat? Bahkan ia turut diperkatakan di kalangan orang Umno Baru sendiri. Tak tahulah kalau Perdana Menteri menimbulkan perkara ini kerana beliau sendiri ingin menghantar mesej tertentu kepada orang tertentu?

Dulu pun beliau menafikan ada keretakan hubungan beliau dengan Dato' Musa Hitam dan hubungan beliau dengan Encik Ghafar Baba ketika mereka menjadi timbalannya. Selepas itu semua orang tahu, retak menjadi belak sebaik sahaja beliau membuat penafian seperti itu. Ertinya, persengketaan antara Perdana Menteri dan orang nombor duanya bukanlah perkara baru.

Ia lazim berlaku dan tidak mustahil berlaku lagi. Kalau ia berlaku lagi, itu bukan kerana saya, tetapi itulah tradisinya.

Saya amat terharu apabila saya masih dituduh menyebabkan kerugian Bank Bumiputera ketika saya menjadi Menteri Kewangan dulu. Bagi saya, inilah fitnah terbesar. Sebagaimana yang telah saya tegaskan sebelum ini, Bank Bumiputra adalah sebuah bank yang istimewa dan diletakkan di bawah kuasa Perdana Menteri sejak zaman Tun Razak lagi.

Bank Bumiputra sama seperti Petronas, Pemas, PNB dan Hicom yang walaupun didaftarkan atas nama Menteri Kewangan tetapi terletak di bawah pengawasan Perdana Menteri. Sekiranya berlaku kerugian atau skandal dalam bank itu, sepatutnya Perdana Menteri yang bertanggungjawab, bukannya saya.

Apatah lagi, setelah saya meninggalkan Kementerian Kewangan pun, kerugian dalam Bank Bumiputra terus berlaku juga. Malah mereka yang berkuasa sekarang patut bertanggungjawab ke atas kerugian RM31,000 juta yang dialami oleh Bank Negara dalam masa dua tahun.

Dr Mahathir memperkecilkan saya dengan mendakwa di zaman saya menjadi Menteri Kewangan, prestasi ekonomi negara tidak baik. Beliau berkata demikian seolah-olahnya sayalah yang menjadi ketua kerajaan ketika itu.

Bahkan ada yang mendabik dada mengatakan kerana dialah pertumbuhan ekonomi hari ini amat baik. Saya menerima kritikan itu dengan hati yang terbuka dan rendah diri. Bagi saya, baik dan buruk sesuatu ekonomi itu bukan semata-mata kerana Menteri Kewangannya. Ia ada hubungan dengan pelbagai faktor lain. Ini termasuk

ekonomi dunia dan serantau, peranan rakyat dan seluruh kepimpinan dan jentera kerajaan ketika itu.

Ertinya, kalau orang mengkritik saya kerana prestasi ekonomi ketika itu tidak baik, maka ia turut mengkritik seluruh kerajaan ketika itu. Termasuklah juga Perdana Menteri hari ini yang menjadi Perdana Menteri ketika itu. Menteri Kewangan hanyalah melaksanakan dasar yang ditentukan oleh Kabinet dan Perdana Menteri.

Namun begitu ada baiknya saya mengambil kesempatan ini untuk membetulkan kenyataan berkenaan. Di zaman saya, ekonomi tidaklah seburuk yang digembar-gemburkan hari ini. Bahkan ada kalanya lebih baik.

Misalnya, di tahun pertama saya menjadi Menteri Kewangan pada tahun 1976, pertumbuhan ekonomi negara mencapai angka 11.6%. Iaitu satu angka pertumbuhan yang jauh lebih hebat daripada hari ini.

Malah dalam tempoh masa 5 tahun antara 1976 ke 1980 purata pertumbuhan ekonomi negara ialah 8.6%, iaitu kadar pertumbuhan yang lebih tinggi daripada hari ini.

Bahkan ketika itu, imbalan pembayaran negara lebih baik daripada hari ini. Sebab itulah nilai ringgit kita lebih kukuh ketika itu berbanding Dollar Singapura, Brunei, Bhat-Thailand dan Yen Jepun. Hari ini ringgit kita jauh merosot berbanding matawang tadi. Kita hanya berbangga apabila membandingkan nilai ringgit dengan Dollar Amerika, walhal Dollar Amerika terus merosot berbanding semua matawang utama dunia.

Apa yang saya sebutkan ini bukan untuk mengungkit. Jauh sekali mendabik dada. Saya amat insaf bahawa pencapaian lampau bukanlah kerana saya semata-mata, tetapi kerana pelbagai sumbangan lain yang tidak perlu saya sebutkan di sini.

Namun perlu diingatkan, kekuatan ekonomi hari ini tidak mungkin tercapai kalau orang terdahulu tidak meninggalkan tapak yang kukuh. Oleh itu janganlah hina jasa orang terdahulu. Almarhum Tunku Abdul Rahman ada jasanya, Tun Razak ada jasanya dan Tun Hussein Onn pun ada jasanya. Kepimpinan merekalah yang meninggalkan asas yang kukuh yang dapat kita kecapai hari ini. Jangan kita jadi angkuh dan takbur kerana Tuhan tidak suka orang berbuat demikian.

Saya amat terkejut apabila Dr Mahathir secara khusus mengaitkan saya dengan hutang negara yang begitu banyak di zaman saya menjadi Menteri Kewangan. Nampaknya beliau menepuk air di dulang. Air yang ditepuk naik ke muka beliau sendiri. Negara berhutang adalah atas persetujuan Kabinet yang beliau sendiri pimpin.

Hutang negara tak sebegitu besar di zaman Tun Hussein Onn walaupun saya juga yang menjadi Menteri Kewangannya. Di zaman Dr Mahathir, hutang negara meningkat kerana Perdana Menteri dan Kabinet yang hendak berbelanja lebih. Menteri Kewangan tidak ada projek yang hendak dibelanjakan. Perwaja, Proton Saga, Jambatan Pulau Pinang dan Daya Bumi adalah antara projek anjuran Perdana Menteri.

Apatah lagi semuanya pula hendak disiapkan dalam masa yang singkat dan tidak dirancang dalam rancangan lima tahun negara. Maka kalau hutang negara meningkat, Dr Mahathir jangan salahkan saya. Salahkanlah diri sendiri.

Walau bagaimanapun sebagai Menteri Kewangan ketika itu, saya cuba mengawal keghairahan beliau dalam berbelanja besar. Mungkin sebab itulah dia marah saya sampai sekarang. Namun saya berbangga, kalau diban-

dingkan dengan sekarang, hutang negara di zaman saya amat kecil. Sila buat perbandingan berdasarkan Laporan Ekonomi 1984/85, 1986/87 dan 1994/95.

Ketika saya disingkir dari Kementerian Kewangan dalam tahun 1984, hutang luar kita ialah RM20.847 bilion. Sekarang (1994) hutang luar kita ialah sebanyak RM64 bilion. Ertinya tiga kali ganda lebih besar daripada zaman saya. Dari segi hutang dalam negeri pula, ketika saya meninggalkan kementerian itu, hutang dalam negeri kita ialah RM37.075 bilion.

Sekarang (1994), hutang dalam negeri kita ialah sebanyak RM78.42. Saya kira angka seperti ini mudah difahami oleh sesiapaapun tentang di zaman siapakah yang hutangnya lebih banyak. Di sini, saya kira tidak keterlaluan kalau saya mencabar Dr Mahathir supaya menafikan kenyataan ini. Kalau tidak, sahalah beliau berbohong sekali lagi.

Saya dituduh pengecut kerana keluar dari Dewan Rakyat ketika Belanjawan 1995 dibentangkan baru-baru ini. Tuduhan itu tidak adil. Sesudah berada hampir satu jam, pada hari itu saya terpaksa pergi segera ke lapangan terbang untuk ke Kota Bharu kerana ada urusan di sana.

Lagi pula saya tidak menjangkakan yang ucapan belanjawan kali ini lebih panjang daripada kebiasaan dan meleret-leret. Meninggalkan dewan tidak bermakna saya tidak mendengar ucapan tersebut. Ia boleh didengar di mana-mana termasuk melalui radio dalam kereta saya.

Namun kenapa hanya saya yang diselar sedangkan ada Ahli Dewan Rakyat Umno Baru sendiri yang tidak hadir ketika itu? Lagi pula kenapa Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak pernah menuduh diri mereka sendiri pengecut kerana meninggalkan dewan

sewaktu saya berucap membahaskan Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam pada 16 Disember 1993 dulu?

Ketika itu saya menimbulkan banyak perkara yang berkaitan dengan kepentingan rakyat, terutama sekali kenapakah pemilikan saham ekuiti orang Melayu merosot pada kadar yang membimbangkan sejak tahun 1990? Dr Mahathir dan timbalannya sudah tentu ingat, ketika itu tidak sampai 10 minit pun mereka berada di dewan mendengar ucapan saya tadi. Selepas itu kedua-duanya keluar entah ke mana.

Saya tidak pernah membengkitkan perkara ini apatah lagi menuduh mereka pengecut. Saya tahu, hak duduk dan meninggalkan dewan adalah hak ahli dewan, termasuk Perdana Menteri dan saya sendiri.

Bagi saya selaran dan tuduhan ini, adalah tanda pilihan raya sudah hampir. Mungkin perkara ini sengaja ditimbulkan bagi mengalih perhatian rakyat daripada banyak masalah lain dalam negara. Seperti yang dijangkakan, setiap kali pilihan raya pemimpin yang berkuasa akan menggunakan taktik lamanya, iaitu memburukkan peribadi lawan, berbohong, menyebarkan fitnah dan menabur kebencian kepada musuh politiknya. Saya hairan kenapa mereka marah sangat kepada saya. Entahlah, mungkin kerana dendam kesumat yang tidak berkesudahan.

Tulisan ini dipetik sepenuhnya dari kenyataan akhbar Tengku Razaleigh Hamzah, Presiden Parti Melayu Semangat 46, pada 6 November 1994, bagi menjawab tuduhan Dr Mahathir Mohamad terhadapnya.

10

SELEPAS SEMANGAT 46 BERJAYA DILUMPUHKAN **MENGAPA MAHATHIR MASIH GENTAR DENGAN KU LI?**

Parti Melayu Semangat 46 dilihat parti yang lemah dan hanya berpaut dengan ketokohan Presidennya, Tengku Razaleigh Hamzah. Penyertaannya dalam pilihan raya akan datang tidak seperti kehebatan menghadapi pilihan raya 1990. Justeru itu, mengapa Mahathir masih diburu igauan buruknya sehingga masih melalut mengecam Ku Li dan menyalahkan bekas Menteri Kewangan itu dalam isu-isu yang sebahagiannya langsung tidak ada hubungan lagi dengannya.

Jika benar Ku Li hanya memimpin parti nyamuk, mengapa segala kritikan buruk terhadapnya masih dilemparkan. Dan pihak yang mengecamnya adalah

Mahathir sendiri. Apa yang membimbangkan Mahathir tentang Ku Li? Bukankah pilihan raya depan merupakan pilihan raya yang paling mudah bagi BN? Bukankah kesatuan pembangkang sudah dicarik-carikkan, yang mana pembangkang tidak dapat mencapai kata sepakat untuk bertanding di bawah lambang yang sama, atau paling kurang seperti 1990, tidak bertanding sesama sendiri?

Bukankah ekonomi bertambah baik? Bukankah rakyat semakin tinggi taraf hidup? Bukankah ahli-ahli Umno bertambah dari hari ke hari hingga jumlahnya melebihi bilangan ahli Umno sebelum diharamkan dulu? Bukankah kesatuan Umno semakin kukuh kerana tiada lagi dalang seperti Ku Li dalam Umno? Bukankah harta Umno lama sudah pun dipulangkan kembali kepada Umno Baru dan ditambah dengan pemilikan hartanya yang melimpah, maka Umno dengan mudah boleh membeli undi?

Bukankah Umno di bawah pimpinan Mahathir - Anwar begitu mantap, hebat dan penuh bergaya, membuatkan pembangkang kecut perut? Bukankah Mahathir sudah diterima di peringkat antarabangsa sebagai pemimpin yang berani dan lantang bersuara, sementara Ku Li semakin hilang kukunya? Bukankah imej Umno semakin Islamik dengan penyertaan beberapa tokoh ABIM ke dalamnya, maka dengan itu mudahlah usaha untuk menawan semula Kelantan? Bukankah Peguam Negara sudah memastikan Rahim Tamby Chik tidak bersalah, yang bersalah hanya budak 15 tahun itu?

Lalu mengapa Mahathir masih melatah dengan menyerang Ku Li? Mengapa Anwar masih marah-marah dengan PAS? Kalau benar Umno betul-betul bersedia menghadapi pilihan raya, rempuh saja kekuatan sekerdil

SELEPAS SEMANGAT 46 BERJAYA DILUMPUHKAN
MENGAPA MAHATHIR MASIH GENTAR DENGAN KU LI?

PAS, Parti Melayu Semangat 46 dan DAP. Tidak perlu buang masa menabur fitnah.

Saya cuba mencari-cari makna tersirat di sebalik kenyataan Ku Li kepada *Australia Broadcasting Corporation* (ABC) yang disifatkan sebagai menghina negara sendiri. Berdasarkan laporan akhbar *Watan*, saya kutip temubual wartawan ABC, Sally Neighbours dengan Ku Li, dan cuba perhatikan di mana salahnya Ku Li:

Soalan: Bagaimana politik wang diamalkan di dalam pemilihan Umno?

Tengku Razaleigh: Apa yang kami dengar mereka menggunakan wang sekitar ribuan ringgit hingga jutaan ringgit, kerana kedudukan memberikan mereka kuasa. Kedudukan yang mereka cari. Dan orang ini sanggup berhabis-habisan untuk mendapatkan kedudukan yang mereka rebutkan itu.

Soalan: Bagaimana Umno menjadi begitu kaya?

Tengku Razaleigh: Saya rasa mereka memberi kontrak kepada diri mereka sendiri. Maksudnya kepada orang yang berhubungan rapat dengan orang yang berkuasa.

Soalan: Kontrak apakah yang anda maksudkan?

Tengku Razaleigh: Program kerja, kerja-kerja awam, pemilikan harta.

Soalan: Berapa banyak wang yang terlibat?

Tengku Razaleigh: Sekarang ini orang tidak lagi bercakap soal ribuan atau jutaan ringgit, tetapi orang bercakap billion ringgit.

Hairan, apalah yang peliknya dalam kenyataan Tengku Razaleigh itu. Malah bagi saya kenyataan itu adalah kenyataan yang cukup lembut, yang datangnya dari seorang pemimpin pembangkang dan bekas pemimpin Umno yang masa depannya dalam Umno dimusnahkan

oleh Mahathir melalui tindakan pengharaman Umno.

Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng ketika menyokong kenyataan Ku Li itu menambah, Ku Li tidak sahaja berkata benar tetapi terlalu berlembut apabila mengatakan amalan rasuah dan skandal kewangan hanya mengakibatkan kerugian hanya berbilion ringgit sedangkan jumlah kerugian itu sejak 1970 sekurang-kurangnya RM38 bilion.

Antara skandal kewangan dan amalan rasuah itu ialah kerugian RM30 bilion Bank Negara akibat pertukaran asing, RM2.5 bilion skandal BMF, RM1 bilion skandal pinjaman Bank Bumiputra, RM600 juta skandal timah-Maminco, RM5 bilion skandal Lebuhraya Utara-Selatan dan RM1.5 bilion skandal Koperasi Pengambil Deposit.

"Amalan politik wang cukup serius dalam Umno sehingga Umno terpaksa mengadakan Perhimpunan Agung Khas untuk membanteras gejala tersebut, ekoran amalannya yang cukup buruk dalam pemilihan Umno 1993 di mana puluhan juta ringgit dibelanjakan.

"Bagaimanapun pengharaman politik wang ini terbukti tidak berkesan seperti yang ditunjukkan dalam kes peruntukan khas saham Bumiputra bagi Leader Universal Holdings Bhd (Leader) dan First Allied Corporation Bhd (FACB)," tegas Guan Eng.

Sebanyak 72 juta saham berkenaan pada harga pasaran RM247 juta diberikan kepada hanya 14 individu Melayu pada harga RM1 seunit. Apakah keistimewaan 14 orang Melayu ini kalau bukan hubungan mereka yang rapat dengan Mahathir, Anwar, Rafidah, Megat Junid, bekas Ketua Hakim Negara dan pemimpin-pemimpin Umno tertentu?

SELEPAS SEMANGAT 46 BERJAYA DILUMPuhkan
MENGAPA MAHATHIR MASIH GENTAR DENGAN KU LI?

Sementara itu, Presiden ALIRAN, P. Ramakrishnan mengemukakan persoalan: "Mengapa hal dalam negara ditimbulkan kepada media asing? Mengapa isu seumpama itu tidak dibangkitkan dalam media tempatan?"

Beliau menjawab sendiri persoalannya: "*Our own media - both the electronic and print media - must bear the blame for this situation. If the media had been fair and free and had observed certain democratic norms by giving equal coverage to the critics and opponents of the government; if the opposing views had been reported and permitted to be debated openly - then the foreign media will have nothing to report.*"

"The government itself has a role to play in this. Restrictive and intimidating legislations and laws - like the OSA and Printing and Publications Act - must be revoked. It is only in an environment of unhampered freedom that the media can function freely and fairly. It is only then the critics can play their democratic role responsibly and effectively."

Balik kepada pangkal persoalan: Mengapa Ku Li masih dijadikan sasaran? Apakah Mahathir mahu menjadikan mimpinya untuk melihat hanya tinggal Tengku Razaleigh dalam Semangat 46 menjadi kenyataan seperti impiannya terhadap teori deflasi (inflasi di bawah paras sifar) berhasil?

Bagi saya, segala kecaman ini menunjukkan Tengku Razaleigh masih dianggap seteru politik yang utama bagi Mahathir. Walaupun mungkin Parti Melayu Semangat 46 kelihatan lemah, tetapi selagi ada Ku Li dalam pentas perdana politik Malaysia, potensi pembangkang untuk membuat kejutan sentiasa ada.

Mungkin Mahathir menganggap kekuatan PAS dan DAP sudah boleh dijangka tetapi parti pimpinan Ku Li boleh mengembang dalam masa yang singkat jika suasana

sekitarnya positif untuk proses pengembangan itu. Dengan adanya Ku Li, mungkin gabungan pembangkang dapat dihidupkan. Dengan adanya Ku Li, imej pemimpin parti pembangkang yang berkesan bukan lagi ada pada orang bukan Melayu.

Dengan adanya Ku Li, masalah-masalah ekonomi dan sosial orang Melayu dapat dibangkitkan secara lebih tersusun dan berupaya mempengaruhi. Dengan adanya Ku Li, masalah dalaman Umno mungkin boleh berpanjangan dan merebak. Dengan adanya Ku Li, segala kepincangan Umno Baru boleh dibongkar secara terperinci. Dengan adanya Ku Li, media asing dapat terus mendapatkan sumber dari pemimpin Melayu sendiri, yang sedia dikenali umum, untuk mendedahkan kepincangan kerajaan BN.

Dan sekiranya Parti Melayu Semangat 46 dihancurkan selebur-leburnya barulah Mahathir dapat berlapang dada. Mahathir tahu PAS, walaupun kuat, tetapi juga mempunyai banyak keterbatasan. Mahathir tahu DAP, walaupun hebat, tetapi dibatasi oleh faktor-faktor tradisi untuk mengembangkan pengaruhnya. Segala keterbatasan itu mungkin dapat dikurangkan sekiranya Ku Li berperanan dengan berkesan sebagai pendamai antara PAS dan DAP, dalam bentuk yang boleh disepakati.

Inilah yang igauan buruk Mahathir yang merasuknya. Beliau tahu potensi Ku Li dan keupayaannya. Ku Li hampir mengalahkannya pada tahun 1987. Kerana takutkan Ku Li, Mahathir sanggup memecat Tun Salleh Abas yang banyak berjasa kepadanya, khususnya dalam kes UEM, dan dua lagi hakim Mahkamah Agung, serta memusnahkan terus kebebasan badan kehakiman.

11

MELUASNYA INDUSTRI ARAK DAN JUDI KEJAYAAN MALAYSIA YANG MEMALUKAN

Seorang Muslim tidak harus memandang kemurkaan Allah itu sebagai dosa kecil hingga ia melaziminy atau tidak lagi memandang jijik perbuatan terkutuk itu. Begitu juga dengan amalan-amalan baik yang disukai Allah, janganlah memandang enteng kerana beranggapan ia tidak penting atau disifatkan perkara remeh sahaja.

Malaysia begitu ghairah dengan perkembangan ekonominya walaupun pertumbuhan itu sebenarnya mempunyai banyak cacat cela yang harus segera diperbaiki. Keupayaan negara dalam penguasaan teknologi tinggi masih boleh dipersoalkan. Tidak ada produk negara yang dapat dibariskan di peringkat antarabangsa setanding de-

ngan negara-negara maju seperti Jepun, Korea dan Jerman.

Kemajuan seharusnya tidak meleakakan kita daripada memencilkan masalah sosial yang kian ruwet dan aktiviti mungkar yang bersepah pada wajah pembangunan negara. Kejutan masalah bohsia berikutan pendedahan skandal seks Rahim Tamby Chik (yang kemudiannya dibersihkan oleh Peguam Negara) begitu membingungkan.

Bagaimanapun kita bimbang segala kerisauan itu akan berakhir bila dihebohkan masalah lain pula. Sedangkan akar umbi segala bencana dan musibah itu tidak pernah dibedah-siasat. Penyelesaiannya bersifat mendadak: sudah terantuk baru tengadah!

Jenguklah sedikit masalah arak. *Mingguan Malaysia* kata arak masalah kecil walhal dari pandangan agama, arak adalah ibu segala kemaksiatan. Arak bukan hanya penyebab kemalangan jalanraya tetapi punca kemungkaran yang lebih besar, seperti perzinaan dan pembunuhan.

Di negara kita arak diiklankan dengan begitu hebat dan canggih, serta terpampang di mana-mana sahaja. Di Langkawi, yang menjadi kebanggaan Mahathir, arak dijual murah. Menurut Laporan Pembangunan Manusia 1991 Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) rakyat Malaysia telah membelanjakan lebih RM2 ribu juta untuk arak.

Malah penggunaan arak per kapita di negara kita jauh mengatasi negara-negara maju. Apakah ini satu kemajuan yang menakjubkan dan boleh mempercepatkan pencapaian taraf negara maju? Renunglah statistik berikut: Malaysia, 6.3 liter per kapita; Jepun, 4.2 liter; Jerman, 4.1 liter; Switzerland, 3.6 liter; Perancis, 3.2 liter; Hong Kong 2.2 liter; dan Thailand, 0.6 liter.

MELUASNYA INDUSTRI ARAK DAN JUDI
KEJAYAAN MALAYSIA YANG MEMALUKAN

Lebih mengejutkan apabila didedahkan bahawa Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah melabur dengan syarikat-syarikat arak.

LTAT melabur sejumlah 7,395,500 dalam syarikat pembuat arak Carlsberg Brewery Malaysia Berhad manakala KWSP memiliki 931,995 saham.

Jumlah saham itu membolehkan LTAT menguasai 12.08 peratus ekuiti syarikat pembuat arak itu manakala KWSP memegang 1.52 peratus ekuiti. Ini menjadikan LTAT sebagai pemegang saham Carlsberg ketiga terbanyak berbanding KWSP yang jatuh tempat keenam daripada sepuluh syarikat pemegang saham yang disenaraikan.

LTAT juga didapati turut terbabit dalam pelaburan sejumlah 3,291,362 saham dengan syarikat pengeluar arak Guinness Anchor Berhad.

Timbalan Menteri Kewangan, Mustapha Mohamad dalam kenyataannya di Kota Bharu mengakui KWSP turut melabur dalam industri pembuat arak tetapi katanya kini KWSP tidak lagi melabur dalam syarikat arak itu.

Selain arak, Malaysia juga boleh berbangga dengan pencapaian industri judinya. Jika ada bidang perniagaan yang boleh syarikat Malaysia mencapai tahap multinasional, ia tidak lain tidak bukan ialah industri judi. Hinggakan projek penswastaan kasino di Argentina pun dimiliki oleh syarikat Malaysia. Malah teman-teman rapat PM adalah taukeh-taukeh judi, contohnya, Vincent Tan, Lim Goh Tong dan Ananda Krishnan.

Di antara 10 syarikat terbesar di Malaysia, terdapat tiga syarikat judi, iaitu *Resorts World* (US9.9 bilion), *Genting* (US5.9 bilion) dan *Magnum* (US3.2 bilion).

Dari segi keuntungan bersih, *Resorts* memperoleh lebih RM600 juta, *Genting* lebih RM550 juta, *Magnu* RM300 juta, *Tanjong* RM200 juta, *BS Toto* lebih RM100 juta dan *Mycom* RM100 juta.

12

BILA RAKYAT TIDAK HORMATKAN POLIS DAN HAKIM WALKING TALL MENJADI KENYATAAN

Rakyat biasa di Malaysia, semakin hari semakin bimbang untuk hidup di negara ini. Kedaulatan undang-undang semakin tercabar. Orang besar di zaman Mahathir yang melakukan jenayah dilindungi oleh negara tetapi apabila orang kecil melakukan jenayah, mereka pasti tidak terlepas. Orang kecil ini akan didakwa di mahkamah dan merengkok dalam penjara.

Zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman, beberapa orang menteri-menteri besar terpaksa merengkok dalam penjara ataupun membayar denda. Di zaman Allahyarham Hussein Onn, Dato' Harun Idris, seorang pemimpin Umno yang terkenal, yang memegang jawatan Ketua Pemuda

Umno dan Menteri Besar Selangor didakwa ke mahkamah kerana rasuah.

Pemuda Umno mengepung rumah Harun Idris dengan kepala mereka diikat kain merah. Mereka tidak mahu Harun Idris masuk penjara. Kuala Lumpur hampir darurat. Keadaan menjadi tegang.

Waktu itu wartawan pergi berjumpa Hussein Onn. "Bagaimanakah keadaan sekarang? Pemuda Umno tidak mahu melepaskan Datuk Harun Idris."

Hussein Onn berkata: "Biar darurat seluruh Malaysia, undang-undang negara tetap dipertahankan. Soal hendak ampunkan Dato' Harun Idris hendaklah mengikut proses undang-undang. Masuk penjara dulu kerana mahkamah telah memutuskan demikian."

Itu di zaman Perdana Menteri terdahulu. Ketika itu pegawai-pegawai pencegah rasuah amat ditakuti oleh menteri dan timbalan menteri. Kalau pegawai pencegah rasuah pergi melawat rumah menteri, ada menteri yang pengsan, ada yang kencing 15 kali, takutkan pegawai pencegah rasuah.

Ini kerana mereka akan mendakwa siapa sahaja termasuklah Menteri Besar Terengganu, Menteri Besar Perak dan Pegawai-pegawai Daerah dan timbalannya, serta polis dan juga orang-orang biasa.

Sekarang bila pegawai BPR bertugas dan mereka berjumpa menteri, mereka pula takut kepada menteri. Keadaan sudah terbalik. Undang-undang sekarang ini semakin pincang. Orang besar dilindungi. Lihatlah buktinya dalam peristiwa D.P. Vijandran.

Bukti telah diperolehi, pihak polis pula yang membakar bukti berkenaan. Ini pelik bin ajaib. Bila ditanya kepada pihak polis, kenapa bakar bahan bukti, mereka

BILA RAKYAT TIDAK HORMATKAN POLIS DAN HAKIM
WALKING TALL MENJADI KENYATAAN

menjawab ia diperintah oleh Peguam Negara.

Bila ditanya kepada Peguam Negara pula, dia enjit-enjit semut. Dia kata itu adalah arahan Perdana Menteri. Maknanya, penjenayah telah dilindungi.

Kemudian berlaku pula pembunuhan seorang gadis peniaga video, Mustakizah namanya. Ia dibunuh secara zalim dan saksi yang melihat pembunuhan itu pula dibunuh secara zalim juga. Difahamkan ada pemimpin Umno yang terlibat dalam kes pembunuhan Mustakizah ini.

Yang paling nyata dan terbaru ialah kes Jeffrey Kitingan. Dia dituduh dengan berbagai-bagai tuduhan yang amat jahat. Bukan pembangkang yang menuduhnya. Kerajaan yang menuduh. Antara tuduhan yang dihadapkan kepada Jeffrey ialah melatih tentera di Filipina untuk mengeluarkan Sabah kepada Filipina. Dituduh pula menghasut belia-belia Sabah supaya benci kepada Semenanjung Malaysia.

Jeffrey ditahan selama dua tahun di bawah ISA, tanpa kurang sedikit pun. Kemudiannya dibebaskan dengan tahanan daerah di Seremban. Jeffrey juga dihadapkan dengan 17 tuduhan rasuah. Timbalan Perdana Menteri ketika berucap di Sabah mengatakan: "Jeffrey Kitingan melenyapkan RM3,000 juta."

Tiba-tiba bila Jeffrey Kitingan menyertai parti AKAR, meninggalkan PBS, menyokong Perdana Menteri, segala kes rasuahnya ditarik balik. Tuduhan kepada beliau diampunkan. Seterusnya Jeffrey dilantik menjadi Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Lalu, macam mana rakyat hendak percaya lagi kepada undang-undang sekarang?

Sebab itulah sejak awal kes Ketua Menteri Melaka ditimbulkan, dalam ceramah di kampung-kampung, PAS menegaskan bahawa Ketua Menteri Melaka tidak akan didakwa. Ia tepat sekali, akhirnya tidak didakwa. Pandangan lain yang diberikan oleh Peguam Negara. Walaupun kita bukan ahli undang-undang tetapi keadilan dapat dirasai.

Keadilan seharusnya dapat dilihat dan dirasai. Sekarang keadilan sudah tidak dapat dirasai di Malaysia ini. Gadis 15 tahun dianiaya; walaupun dia mengaku berzina misalnya, tetapi dia di bawah umur. Sudah tentulah budak mesti dilindungi dalam berbagai akta termasuklah hukum Islam sendiri melindungi kanak-kanak.

Tetapi sekarang ini kita lihat budak itu tidak dilindungi, sebaliknya orang besar yang dituduh pula yang dilindungi. Inilah keadaan undang-undang di negara Malaysia sekarang.

Tambahan pula kita melihat dengan semakin gerun bila kita mendapat tahu hakim-hakim pula terlibat dalam skandal saham. Mereka akan berdamping dengan jutawan-jutawan. Apakah satu hari nanti hakim-hakim sudah boleh dibeli?

Menghairankan, bagaimana kes Vincent Tan boleh dibicarakan dengan begitu cepat sedangkan kes-kes lain yang berat, seperti kes bunuh, kes dadah merbahaya, kes rogol, hingga empat atau lima tahun belum dibicarakan lagi.

Sampai satu ketika nanti, apakah bila orang besar melakukan jenayah, rakyat bertindak dengan tangan mereka sendiri. Misalnya, seperti dalam filem *Walking Tall*, bila seorang polis tidak yakin lagi dengan undang-undang, maka dia ambil kayu, dan dia pukul mana tempat yang dianggap boleh pukul.

BILA RAKYAT TIDAK HORMATKAN POLIS DAN HAKIM
WALKING TALL MENJADI KENYATAAN

Rakyat Malaysia akan bertindak demikian bila ada menteri merogol sesiapa atau melakukan jenayah pada masa akan datang. Mereka tidak percaya lagi pada polis atau mahkamah. Di waktu itu mereka akan bertindak menurut kehendak mereka sendiri. Senario ini akan berlaku seperti di Colombia dan Itali apabila sistem kehakiman kita tidak diperbetulkan kembali dan perasaan curiga terhadap kedaulatan undang-undang semakin tebal.

Walaupun, misalnya, undang-undang hudud atau undang-undang syariah belum dilaksanakan, paling kurang undang-undang yang ada ini perlu didaulatkan. Tetapi malangnya kita lihat sekarang ini undang-undang yang ada bocor, terutama di zaman kepimpinan Mahathir.

Beliau mungkin berjaya dari segi ekonomi yang dilonggokkan kepada orang atasan, tetapi kita lemah dalam bidang undang-undang. Di sinilah asas untuk menentukan keamanan negara pada masa akan datang.

Tulisan ini berdasarkan sebahagian ucapan Ahli Parlimen PAS Nilam Puri yang juga Naib Ketua Pemuda PAS Pusat, Mohamad Sabu di Dewan Rakyat, pada 8 November 1994.

HANYA UMNOPUTERA YANG DAPAT HABUAN

Semenjak Anwar Ibrahim dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Anti-Penyelewengan Kabinet kita tidak dimaklumkan tentang tindakan yang diambil terhadap menteri atau pegawai tinggi kerajaan atas dakwaan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Sedangkan amalan-amalan curang, pilih kasih, rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa semakin teruk dan meluas berbanding dahulu. Jelas jawatankuasa yang diterajui Anwar ini gagal dan langsung tidak berkesan.

Antara beberapa persoalan yang dibangkitkan mengenai dakwaan penyelewengan ialah peruntukan saham-saham khas kepada Bumiputera. Seperti yang

didedahkan di Parlimen oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Rafidah Aziz bahawa nama-nama individu yang rapat dengan ahli-ahli Kabinet, termasuk menantu Rafidah, adik Anwar dan anak Mahathir sendiri, tidak terkecuali anak Megat Junid dan anak bekas Ketua Hakim Negara, Tun Hamid Omar telah diberi peruntukan saham dengan jumlah yang besar.

Fazrin Azwar, Wan Ismail Wan Nik, Marzuki Ibrahim, Mirzan Mahathir, Mohd Harith Mohd Shariff dan Mohd Adnan Shuib telah diberi 1.5 juta saham setiap seorang dalam Syarikat Leader Universal Holdings Bhd dengan harga RM1 setiap saham. Kini saham berkenaan dinilai lebih kurang RM14 setiap unit.

Rafidah juga menyenaraikan nama-nama mereka yang diberi saham FACB dengan harga RM1 setiap unit. Antaranya ialah Megat Fairouz Junaidi Megat Junid (14,804,365 saham), Nik Kamaruddin Ismail (13,760,875 saham), Ainuddin Tun Hamid (5,217,390 saham), Faridah Abu Hassan (4,173,910 saham), Aznan Jaya (4,173,910 saham), Dato' Mohd Adnan Dato' Shuib (4,173,910 saham) dan Fazrin Azwar (4,173,910 saham).

Ketika pendedahan melalui akhbar timbul tentang menantu Rafidah dianugerahkan 1.5 juta saham Leader pada akhir Ogos 1994, Mahathir mengulas: "Semalam saya dengar orang kata, menantu seorang menteri telah menerima sekian-sekian banyak dan minta dia disingkirkan. Kalau saya hendak singkirkan semua orang dengan alasan seperti itu tanpa terbukti apakah benar dia membuat satu kesalahan, akhirnya tidak ada siapa lagilah dalam Kabinet."

Memang, sahlah kini, kalau Mahathir mahu memecat Rafidah atas dakwaan menyalahgunakan kuasa dengan

memperuntukan saham kepada menantunya, bagaimana pula dengan nasib Anwar, Megat Junid dan Mahathir sendiri? Suku-sakatliah mereka yang banyak mendapat habuan dari kemewahan kepesatan pertumbuhan ekonomi negara.

Semenjak 1992, Kementerian Kewangan telah melaksanakan pembahagian saham-saham khas Bumiputera kepada syarikat-syarikat seperti Syarikat Telekom Bhd, Tenaga Nasional Bhd, MBf Capital Bhd, MBf Holdings Bhd, Hong Leong Credit Bhd dan Hong Leong Bank Bhd.

Ahli Parlimen Bukit Bintang, Wee Choo Keong telah beberapa kali meminta Menteri Kewangan supaya menjelaskan di Parlimen nama-nama mereka yang diperuntukkan saham-saham khas Bumiputera bagi syarikat-syarikat berkenaan, namun persoalan itu tetap tidak berjawab.

Mungkin Menteri Kewangan tidak berani menjawab persoalan tersebut dan memberi nama-nama penerima saham khas disebabkan saham-saham MBf telah diberi kepada penyokong-penyokongnya. Dipercayai Anwar Ibrahim tidak akan menjawab persoalan ini kerana jawapannya akan menjejaskan imej beliau sebagai bakal Perdana Menteri selepas Mahathir. Nampaknya Rafidah lebih bersikap terbuka dan telus daripada Anwar!

Menurut Wee, diketahui umum Menteri Kewangan adalah sahabat karib serta "pelindung" Tan Sri Loy Hean Heong daripada tindakan Bank Negara atas dakwaan menyalahgunakan wang MBf Finance. Soalnya, kenapa Menteri Kewangan harus memberi perlindungan atau imuniti kepada Loy sedangkan ia akan menjejaskan imej institusi-institusi kewangan negara?

Bayangkan sekiranya saham-saham yang begitu

banyak diperuntukan secara adil kepada seluruh Bumi-putera, tentunya rakyat terbanyak akan mendapat manfaat. Tetapi amalan melonggokkan kekayaan negara ini hanya ditumpukan kepada beberapa kerat individu yang rapat dengan pemimpin tertentu Umno Baru, membuat orang Melayu yang lain hanya menjilat jari dan terus terpinggir.

Ini bermakna yang dibantu oleh kerajaan bukannya Bumiputera tetapi "Umnoputera", itu pun terdiri dari suku-sakat Mahathir, Anwar, Daim dan mereka yang sekelompok dengannya. Prinsip ketelusan yang sentiasa dilaungkan oleh Anwar tidak lebih daripada mainan sandiwara murahan yang memualkan para penonton. Banyak maklumat yang dirahsiakan dari pengetahuan umum.

Selain itu, isu penjualan tanah di Kuala Lumpur dengan harga murah begitu menakjubkan. Lebih pelik lagi bila tanah itu dijual sebelum penjualnya memiliki tanah berkenaan. Seolah-olah permainan kontra di BSKL lagaknya.

Contoh terbaru ialah proses jual-beli tanah di Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan, yang membabitkan sebuah syarikat STLR Sdn Bhd, syarikat yang dimiliki oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan Cergas Bahagia Sdn Bhd. Pengarah Cergas Bahagia ialah Dato' Tan Kim Leong dan Hew Ah Lan, iaitu isterinya. Lembaga Pengarah STLR terdiri daripada Datuk bandar Kuala Lumpur.

Pada 24 Mei 1991 (sila perhatikan tarikh-tarikh penting dalam proses jual-beli tanah termurah ini!), Cergas Bahagia Sdn Bhd menandatangani perjanjian dengan Petronas Dagangan Sdn Bhd untuk menjual sebahagian pajak (*lease*) tanah di *HS (D) 50109 PT No. 902 Mukim of Pelaiing, Negeri Wilayah Persekutuan*, yang keluasaannya

19,198 kaki persegi dengan harga RM1,672,226 (iaitu pada RM87 sekaki persegi).

Pada 16 Ogos 1991, Cergas Bahagia Sdn Bhd sekali lagi menandatangani satu perjanjian dengan Esso (M) Sdn Bhd untuk menjualkan sebahagian pajak (*lease*) di HS (D) 50109 PT No. 902 Mukim of Petaling, Negeri Wilayah Persekutuan, yang keluasannya 42,500 kaki persegi dengan harga RM4,000,200 (iaitu pada harga RM94 sekaki persegi).

Sebaik sahaja tanah ini dijualkan oleh Cergas Bahagia Sdn Bhd kepada Esso dan Petronas pada 24 Mei dan 16 Ogos 1991, tentulah Cergas Bahagia bukan lagi pemilik sah tanah tersebut. Sebaliknya, yang menakjubkan ialah Cergas Bahagia baru saja menjadi pemilik tanah tersebut pada 30 Oktober 1991 apabila ia menandatangani perjanjian pembelian tanah itu dengan STLR Sdn Bhd. Jumlah tanah tersebut di HS (D) 50109 PT No. 902 Mukim of Petaling adalah 3.242 ekar (141,222 kaki persegi) hanya dengan RM706,110 (pada harga RM5 sekaki persegi).

Ini bermakna, sebelum Cergas Bahagia Sdn Bhd memiliki tanah tersebut, syarikat berkenaan telah berupaya menjualnya dengan mendapat keuntungan sebanyak RM4,966,316, iaitu:

RM4,000,200	(harga yang dijual kepada Esso)
+ RM1,672,226	(harga yang dijual kepada Petronas Dagangan)
<hr/>	
RM5,672,426	
RM 706,110	(harga yang dibeli dari STLR)
<hr/>	
<u>RM4,966,316</u>	

Dengan hanya menjual dua bahagian tanah tersebut kepada Petronas dan Esso dan masih berbaki 80,000 kaki persegi yang belum dijual, Cergas Bahagia Sdn Bhd telah memperolehi keuntungan hampir RM5 juta. Jika kita mengambil harta purata pada RM90 sekaki persegi, maka Cergas Bahagia Sdn Bhd akan berupaya mendapat keuntungan lagi sebanyak RM7.2 juta.

Justeru itu, jumlah keuntungan yang diperolehi Cergas Bahagia Sdn Bhd dari STLR Sdn Bhd ialah lebih kurang RM12 juta. Dengan ini jelas terdapat amalan rasuah atau menyalahgunakan kuasa di DBKL dan STLR Sdn Bhd. Kalau tidak tentunya Cergas Bahagia tidak akan berupaya menjualkan tanah tersebut sebelum ia membelinya.

Difahamkan Cergas Bahagia Sdn Bhd yang ditubuhkan pada 23 Januari 1991 telah memiliki banyak keping tanah di Sungei Besi, yang dibeli dari STLR Sdn Bhd/ DBKL dengan harga "hadiah percuma". Bagaimanapun kita yakin Anwar kurang berminat untuk mendengar cerita-cerita seperti ini.

Tulisan ini disusun semula daripada sebahagian ucapan Ahli Parlimen Bukit Bintang, Wee Choo Keong di Dewan Rakyat pada 9 November 1994.

14

SKANDAL KETUA PEMUDA UMNO KELANTAN KEUNTUNGAN SEKELIP MATA RM302 JUTA

Melaka adalah antara negeri yang terkecil di Malaysia. Maknanya, tanah di Melaka tidak seluas di Pahang, Selangor, Sabah atau Sarawak. Justeru itu Mahathir begitu ghairah sekali menyanjung usaha bekas Ketua Menteri Melaka, Rahim Tamby Chik, dalam membawa pembangunan ke negeri itu, khususnya industri pelancongan, dalam suasana Melaka yang serba kekurangan.

Tanah yang tidak begitu luas di Melaka tentulah amat berharga. Malangnya, kita dapati pemilik tanah di Melaka kerap kali tertindas. Nikmat pembangunan tidak melimpah ke bawah, sebaliknya diempang oleh pemimpin atasan.

Tanah yang mereka warisi sejak zaman berzaman boleh "dirampok" dengan begitu mudah, dengan tidak diberi penilaian harga semasa.

Isu pengambilan tanah di Kampung Pantai Kundor dan Pantai Tanah Merah adalah contoh tragik. Tanah di situ dinilai dengan harga murah tetapi dijual semula dengan harga yang berpuluh kali ganda apabila status tanah ditukar. Bukan rakyat yang untung tetapi pemimpin-pemimpin tertentu dari Umno Baru yang mendalangi segala kegiatan "merampas" tanah rakyat.

Dalam kes terbaru, Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng mendedahkan bagaimana sebuah syarikat keluarga Ketua Pemuda Umno Kelantan, Mohamed Fatmi Che Saleh (yang baru dikurniakan gelaran Datuk oleh Kerajaan Negeri Melaka) boleh memiliki 826 ekar tanah kawasan Koridor Cheng, Melaka dengan harga RM1.60 sekaki persegi. Di kawasan itu akan dibangunkan sebuah bandar baru bernilai RM1.3 bilion yang mengandungi kawasan perumahan, komersial dan perindustrian ringan. Mengikut surat yang ditandatangani oleh Abu Hassan Haji Hashim, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, bertarikh 30 Jun 1994, tanah seluas 826 ekar itu akan diambil secara paksa oleh pihak Kerajaan Negeri. Tanah milik persendirian itu yang terletak di Mukim Lendu dan Rembia, Alor Gajah serta Mukim Tanjung Minyak dan Paya Rumput, Melaka Tengah boleh menjejaskan survival Kampung Baru Air Salak dan sebuah kampung lain yang membabitkan beribu-ribu penduduk.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri Melaka mestilah membatalkan pemberian tanah tersebut dengan harga yang begitu murah kepada Syarikat Hamshi Holdings Sdn Bhd.

Fatmi sendiri mengakui harga pasarannya adalah lebih tinggi.

Dalam kenyataannya kepada *The Star*, 27 Oktober 1994, Fatmi berkata: *"The current market value is at the most RM2.50 per square foot. In any case, my company is still not the legal owner of the land."* Fatmi said the cost of the land was very high and he had yet to obtain the necessary bank loans. He said that the State Government had yet to acquire the land and that such a privatisation scheme was not something uncommon in Melaka.

"Kalau kita percaya dakwaan Datuk Mohamed Fatmi bahawa harga pasaran tanah adalah RM2.50 sekaki persegi berbanding dengan RM1.60 sekaki persegi yang dibayarnya kepada kerajaan, beliau masih akan meraih keuntungan bersih sebanyak RM32.38 juta. Akan tetapi Pemuda DAP tetap dengan harga pasaran sekurang-kurangnya RM10 sekaki persegi untuk tanah seluas 826 ekar yang akan ditukar syarat kepada maksud bangunan dan pajakan tempoh masa 99 tahun.

"Dengan harga pasaran semasa sebanyak RM10 sekaki persegi yang bernilai RM359.81 juta untuk 826 ekar, ini bermakna Datuk Fatmi telah untung RM302 juta kerana banyak perlu bayar RM57.57 juta premium tanah kepada kerajaan negeri," tegas Guan Eng.

Sesungguhnya apa yang berlaku bukannya seperti yang didakwa Fatmi, iaitu satu projek penswastaan yang biasa dilakukan di Melaka, tetapi ia adalah penyelewengan tanah yang biasa berlaku di Melaka! Fatmi seharusnya berani meminta seorang penilai tanah yang bebas untuk menentukan harga tanah seluas 826 ekar yang telah diluluskan bagi maksud bangunan dan pajakan tempoh masa 99 tahun.

Malah sebelum ini, Laporan Ketua Audit Negara 1992 untuk negeri Melaka mendedahkan penyelewengan dalam penjualan 529 ekar tanah di Koridor Cheng, Melaka oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM). Tanah tersebut telah dijual kepada sebuah syarikat bernilai RM25 juta atau RM1.08 sekaki persegi oleh PKNM pada 17 November 1990.

Penyelewengan pertama ialah RM1.26 juta yang boleh dituntut balik daripada syarikat tersebut masih belum dituntut balik. Kedua, mengikut Akta Pemerdagangan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri 1962), Pindaan Jadual Kedua, Tahun 1990, pelupusan aset-aset PKNM yang nilainya melebihi RM5 juta hendaklah dirujuk untuk persetujuan Menteri Kewangan terlebih dahulu. Tetapi rujukan itu tidak dibuat. Penyelewengan ketiga yang tidak disebut dalam Laporan Audit Negara adalah harga premium rendah sebanyak RM1.06 sekali persegi sahaja.

"Rakyat telah rugi RM1.26 juta dalam penyelewengan skandal tanah ini oleh PKNM. Rakyat dan Kerajaan Negeri tidak harus rugi lagi RM302 juta dalam skandal penyelewengan tanah, lebih-lebih lagi bila keuntungan RM302 juta kepada syarikat ini (milik Fatmi) diperolehi dari bayaran pampasan yang harus diberikan kepada tuan punya tanah," jelas Guan Eng.

15

MELAKA TIDAK PEDULIKAN ARAHAN ANWAR

Arahan Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim sudah tidak laku lagi di Melaka! Walaupun Anwar berjaya memaksa Rahim Tamby Chik berundur dari Seri Negeri, tetapi Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) nampaknya tidak mudah mengalah kepada Anwar.

Walaupun Anwar telah mengarahkan, dalam suratnya bertarikh 23 September 1994, kepada Timbalan Yang Dipertua MPMBB, Nasaruddin Hashim, supaya ditangguhkan rancangan merobohkan sebuah bangunan gerai berusia 15 tahun di Jalan Quayside Melaka, milik Puan Aminah Bahari, tetapi pihak penguatkuasa menyifatkan arahan itu "tidak laku".

Puan Aminah telah berniaga selama 15 tahun di gerai makanan itu, di No. 831, Lot 6, Jalan Quayside, Melaka. Bangunan gerai itu didirikan dengan perbelanjaannya sendiri sebanyak RM10,000 dan pelannya diluluskan oleh MPMBB sendiri. Puan Aminah membayar cukai pintu dan telah diberikan lesen perniagaan yang juga dibayarnya kepada MPMBB. Beliau masih berhutang dengan bank dan mempunyai enam pekerja serta menyara kehidupan anak keluarga serta cucunya.

Pada mulanya Puan Aminah telah diminta berpindah untuk satu projek tandas dan surau. Beliau bersetuju berbuat demikian asalkan diberikan bayaran pampasan munasabah oleh Kerajaan Negeri untuk mengganti rugi kos pembinaan bangunannya. Permintaan ini ditolak oleh Kerajaan Negeri, yang hanya ingin membayar RM10,000 sahaja.

Puan Aminah kemudiannya mengadakan pertemuan dengan Anwar Ibrahim selama dua setengah jam membincangkan hal tersebut. Anwar bukan sahaja bersependapat dengan permintaan bayaran pampasan munasabah malah berpendirian Puan Aminah harus dibenarkan terus berniaga.

Semua itu dinyatakan oleh Anwar dalam surat Anwar kepada Timbalan Yang Dipertua MPMBB:

“Selepas mendengar keterangannya (Puan Aminah) dan penjelasan rintihan mereka, beberapa kesimpulan boleh dipertimbangkan:

- i) Semasa kerajaan mengusahakan kemajuan dalam bandar, kadang kala keperluan orang berpendapatan rendah tercicir daripada arus kemajuan;
- ii) Kerajaan perlu juga menimbangkan matlamat dua/tiga serampang bagi memenuhi kehendak pelbagai pihak.

"Contohnya, dalam kes ini, keperluan MPMBB untuk tandas awam di atas tapak TOL yang sedang diduduki oleh si pengadu yang memerlukan peluang hidup dalam bandar serta kepentingan menjaga kebersihan tandas boleh disatukan kehendak kedua-dua pihak. Jika sekiranya kedai si pengadu diubahsuaikan dengan bangunan tradisional yang mengandungi tandas awam serta peluang makanan berharga murah untuk keperluan orang ramai dan pelawat-pelawat yang berpendapatan pertengahan/rendah, maka matlamat MPMBB boleh dipersatukan dengan hajat orang awam juga.

"Sebagaimana kita bincangkan, mungkin pihak kita telah memikirkan secara kreatif bagaimana kerajaan boleh membantu kehendak awam (public need) dengan keperluan rakyat biasa demi menyumbang kepada pembangunan ekonomi di kawasan yang sama.

"Sepertimana kita telah bersetuju kerjasama, tuan adalah diminta untuk menangguhkan rancangan merobohkan bangunan gerai tersebut bagi membincang perakuan di atas agar Kerajaan Negeri dan Majlis sendiri dapat menunaikan tanggungjawabnya bersama kepada rakyat jua."

Reaksi kepada surat arahan TPM Anwar terjawab pada 29 Oktober 1994 apabila satu kumpulan anggota MPMBB dan Majlis Daerah Melaka Tengah yang diiringi oleh pihak polis seramai 100 orang telah merobohkan bangunan gerai, barang perkakas dan makanan jualannya dengan begitu zalim sekali! Keluarga Puan Aminah seramai enam orang, Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng dan Naib Pengerusi DAP Melaka, Joseph Sta Maria ditahan polis.

Anaknya, Jaffar Darus pula akan didakwa pada 28

November 1994. Jaffar bernasib baik kerana tidak cedera bila beliau divedok oleh jentolak MPMBB setinggi lapan kaki dengan laju. Kerugian yang dialami atas tindakan merobohkan bangunan itu adalah RM25,000 dan keluarga Puan Aminah serta enam pekerjanya kini menganggur.

Menurut Lim Guan Eng, apabila surat TPM Anwar, yang mengarahkan tindakan merobohkan bangunan itu ditangguhkan, ditunjukkan kepada pegawai yang bertugas, Penolong Pegawai Daerah Melaka Tengah, Sulaiman Harmain Shah dan Jurutera MPMBB Rokman Mohamed Nayan, ia ditolak dengan angkuh sekali melalui dua perkataan "tidak laku". Sedangkan MPMBB juga tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kerajaan Pusat.

Bagi Guan Eng, "Arahan seorang Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden parti pemerintah Kerajaan Negeri Melaka adalah "laku" dan mestilah dipatuhi berkaitan dengan perkara yang melibatkan Kerajaan Pusat sepertimana yang disebutkan dalam Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi: *"If any State law is inconsistent with federal law, the federal law shall prevail and the State law shall, to the extent of the inconsistency, be void."*

Apakah insiden ini memerlukan tafsiran politik yang lebih menarik daripada apa yang ada baca?

16

INGATAN TERAKHIR MUSA HITAM DALAM POLITIK TIDAK ADA KAWAN

Dalam politik kita tidak ada kawan. Ada pengikut, ada penyokong tapi tak ada kawan. Kalau seseorang itu mengatakan ada kawan tetapi sesama berkecimpung dalam politik, ada kemungkinannya dia menjadi lawan pada satu masa nanti.

Tetapi tak mengapalah. Politik memang begitu rupanya. Iaitu kepada saya, asalkan seseorang itu jadi lawan tetapi berasas kepada idealisma dan kepercayaan politik, "lawan" begitu ialah baik bagi proses politik dan sihat bagi demokrasi.

Politik ialah proses gerak geri dalam usahanya mendapatkan kuasa. Sesebuah parti politik matlamatnya

ialah mendapat kuasa atau, kalau kuasa sudah ada di tangan, mengekalkan kuasa. Begitu juga seseorang ahli politik. Matlamatnya ialah mendapat atau mengekalkan kuasa, atau sekurang-kurangnya, dekat dengan kuasa untuk mempertingkatkan tahap pengaruhnya. Seseorang ahli politik tidak harus segan silu dengan matlamat berkuasa ini.

Tetapi saya suka mengingatkan bahawa dalam proses begitu rupanya saya katakan banyak terjadi kawan jadi lawan.

Dalam konteks Umno dan negara kita Malaysia kuasa itu besar maknanya. Ianya boleh digunakan dengan baik, iaitu bagi kepentingan ramai, atau disalahgunakan untuk kepentingan sempit. Kuasa dalam konteks ini boleh memusnahkan lawan atau boleh disalahgunakan untuk kepentingan diri sendiri. Dengan daya penarik beginilah nampaknya saya kluatir kalau-kalau apa yang sepatutnya merupakan "proses pemilihan biasa" dalam Umno sudah menjadi proses "rebutan kuasa."

Besar bezanya antara "proses pemilihan biasa" dengan "rebutan kuasa". Bila berebut kuasa intensiti rebutan begitu kencang dan teruk. Dalam "proses pemilihan biasa", apabila dikatakan kawan jadi lawan, penghadapannya terhad kepada politik sahaja. Iaitu, selepas berlawan berkawan. Tetapi dalam "rebutan kuasa" daripada lawan jadi musuh, jadi seteru! Timbullah benci-membenci, dendam-mendendam dengan apa cara pun.

Periuk nasi kawan yang tewas itu diracun hingga hidup segan mati tak mahu. Kalau anak memerlukan biasiswa untuk pendidikannya, biasiswa tidak dapat. Tak usah haraplah hendak dapat lesen perniagaan, tender-tender, saham-saham dalam syarikat-syarikat, atau

jawatan-jawatan tinggi. Mereka yang di luar kerajaan pun iaitu yang mengharapkan *patronage* kerajaan, tidak mahu menegur sapa si tertewas itu apatah lagi memberi apa-apa kemudahan jang-jangan yang menang kuasa memandang serong atas perbuatan itu.

Itulah dikatakan "nasib baik" si menang dan begitulah pula "nasib" si kalah. Kalau tidak dibendung segera keadaan akan menjadi buruk dan jang-jangan huru-hara berlaku dalam parti dengan akibat buruk seburuk-buruknya kepada masyarakat.

Dalam proses berebut kuasa ini juga soal "setia" atau "*loyalty*" ditekan, malahan diutamakan. tuntutan setia atau *loyalty* ada baiknya. Tetapi bahayanya kepada sistem politik demokrasi di negara kita ialah kalau atau apabila ia menenggelamkan faktor kesesuaian dan kebolehan *performance* dan kualiti perkhidmatan seseorang.

Dengan lain perkataan, tidak diambil kira sama ada seseorang itu baik dalam kemampuannya berkhidmat asalkan *loyal* atau taat setia. Kalau begitulah, maka terancamlah tahap keupayaan pencapaian *performance* parti kita yang dengan secara langsung pula akan menjejaskan sistem politik dan pentadbiran negara. Akhirnya rakyat juga yang rugi.

Pemimpin itu seharusnya dihormati dan disegani ramai. Pemimpin yang dihormati ada bezanya dengan pemimpin yang ditakuti. Kalau pemimpin itu ditakuti waktu ia memegang jawatan tinggi, bila ia tidak memegang jawatan itu lagi, ia akan dilupakan, malahan dikutuk dan ia menghadapi pelbagai masalah hidup. Sebaliknya kalau pemimpin itu disegani dan dihormati, hidupnya akan terus berbahagia dsan penghormatan akan terus diberi.

Berpolitiklah terus. Bersainglah untuk menonjolkan

dan membuktikan bakat berkhidmat masing-masing. Berlawanlah dalam arena politik. Tetapi bersopanlah dan ikutlah lunas-lunas masyarakat kita yang berkebudayaan, yang berbahasa dan yang hormat-menghormati. Berpandulah dengan ajaran-ajaran agama kita yang suci.

Dan ingatlah bahawa tujuan utama kita berpolitik ialah untuk berkhidmat bagi kepentingan hidup masyarakat umum. Saya ucapkan selamat berpolitik untuk kepentingan agama, bangsa dan negara dan selamat berpolitik dengan bersih, cekap dan amanah.

Dipetik dari ucapan Tan Sri Musa Hitam di Majlis Malam Setulus Hati sempena meraikan penganugerahan darjah kebesaran Panglima Mangku Negara, di Segamat.

TANJUNG III DI AMBANG KEJAYAAN KIT SIANG TIDAK BERTANDING PARLIMEN?

Lim Kit Siang tentunya mempunyai strategi menarik menjayakan Projek Tanjung III. Peluang keemasan ini tidak mungkin dilepaskannya begitu saja. Pengalamannya yang begitu luas dalam politik tanahair dan prestasi kerjanya yang membanggakan sebagai Ketua Pembangkang dikira sudah cukup untuk menempah kerusi Ketua Menteri Pulau Pinang.

Walaupun pentadbiran Mahathir - Anwar dikatakan telah banyak menerima idea *Malaysian Malaysia* tajaan DAP tetapi peluang DAP menguasai Pulau Pinang adalah yang terbaik. Suasana lebih liberal dalam pendidikan, budaya dan ekonomi memberi kelebihan kepada BN tetapi ia

bukan penentu untuk menyudutkan Kit Siang di mata pengundi Cina Pulau Pinang.

Melalui Tanjung I, 1986, Kit Siang menewaskan Koh Tsu Koon di kawasan Parlimen Tanjung. Tanjung II pada 1990 menyaksikan bekas KM Lim Chong Eu melutut kepada Kit Siang. Dipercayai untuk Tanjung III, Kit Siang akan mencabar Koh Tsu Koon di Tanjung Bunga, atau di mana saja Tsu Koon pergi. Berdasarkan keputusan pilihan raya 1990, DAP hanya memerlukan tiga kerusi lagi untuk memerintah.

Bagi projek Tanjung III, faktor DAP Melayu menarik untuk dikaji. Slogan "DAP Melayu" sahaja sudah cukup untuk memecahkan tembok besar antara DAP dengan pengundi-pengundi Melayu. Bilangan mereka tidak penting. Ia mungkin 22,000 atau mungkin juga tidak sampai 10,000 orang. Namun ia juga satu perjudian; memikat pengundi Melayu tetapi kawalan terhadap pengundi Cina mungkin terlepas.

Lim Kit Siang pasti sudah memikirkan bahawa faktor pengundi Melayu adalah penentu kemenangannya, malah lebih penting penerimaan orang Melayu terhadap DAP dapat memantapkan kemenangan nanti.

Jika DAP menang tanpa penyertaan orang Melayu atau tanpa pemimpin Melayu dalam Kerajaan DAP Pulau Pinang, maka kemenangan itu mudah sangat digoncang oleh Mahathir dan Anwar. Anwar tentu tidak mahu melihat begitu saja Kit Siang menjadi raja baru Pulau Pinang. Kedudukannya sebagai TPM akan tercemar dengan kemenangan DAP. Sentimen perkauman pasti ditiup sehebat-hebatnya. Pulau Pinang akan mudah digegarkan dengan tiupan nafiri propaganda media milik Umno.

Justeru itu antara kempen DAP Melayu ialah: "Tanpa sokongan orang Melayu kepada DAP pun DAP akan memerintah Pulau Pinang. Cuba bayangkan sebuah kerajaan negeri yang kepentingan orang Melayu tidak diwakili sepenuhnya. Ini amat berbahaya. Kita tidak ada pilihan lagi. Kalau kita sokong dan bersama DAP mungkin kita boleh berperanan secara lebih berkesan. Jika kita terus menyokong Umno, yang akan perintah DAP juga. Jadi lebih baiklah kita bersama DAP bagi mempertahankan hak-hak orang Melayu di negeri ini."

"Ahmad Nor seorang tidak memadai untuk membantu kepentingan orang Melayu. DAP harus mencari calon-calon Melayu berwibawa dan diletakkan di kawasan selamat bagi memastikan mereka ikhlas mahu membawa tokoh-tokoh Melayu dalam pentadbiran negeri, sekiranya DAP menang nanti," hujah seorang pemerhati politik.

DAP dikatakan akan memastikan tokoh-tokohnya yang kontroversi pada pandangan masyarakat Melayu, seperti Karpal Singh, tidak akan bertanding di peringkat DUN Pulau Pinang. "Ini membuktikan DAP serius untuk membina jambatan dengan pengundi Melayu," dakwa seorang yang mengaku DAP Melayu.

Bagi pengundi Cina diyakinkan kepada mereka bahawa yang menjadi Ketua Menteri sebenar bukannya Koh Tsu Koon, tetapi Ibrahim Saad, sekutu rapat Anwar Ibrahim. Tsu Koon dianggap pemimpin yang tidak berkesan dan mengabaikan kepentingan orang Cina. Plat kereta kedua-dua tokoh ini dijadikan bahan jenaka politik. Tsu Koon memakai PG 1, dimaksudkan sebagai "Penang No. 1" sementara Ibrahim, PP 1, diertikan sebagai "Pulau Pinang No. 1". Maknanya, Ibrahim bukan orang No. 2 tetapi No. 1.

Sementara kepada pengundi Melayu disebutkan bahawa walaupun Ibrahim Saad berkuasa di Pulau Pinang, tetapi bukannya kepentingan orang Melayu yang diutamakan. Ibrahim didakwa hanya memperkayakan diri dan keluarga terdekat dengannya. Malah dia digelar "Dr. 10%".

Khabarnya Ibrahim akan dipindahkan ke pusat, selain memperkukuhkan Anwar, ia bertujuan membersihkan kepimpinan Umno di peringkat negeri yang kini menghadapi cabaran sengit.

"Orang Melayu yang menyertai DAP adalah pengkhianat kepada bangsa sendiri," dakwa seorang ahli Umno.

Ibrahim Saad (*Asiaweek*, 29 Jun 1994) dipetik sebagai berkata: *"The DAP hasn't the capacity to deal with Malay problems. As far as I know they have always opposed everything that is Malay. They opposed the language, education, everything. And remember Malay problems are also Islamic problems. They don't have the people for that."*

Dan dipercayai dakwaan seumpama itu akan menjadi bahan kempen utama Umno. Imej DAP sebagai parti perkauman Cina akan ditebalkan lagi. Fokus serangan rasanya akan ditujukan kepada batang tubuh Kit Siang sendiri. Kit Siang akan digambarkan pemimpin yang anti-Melayu dan bersikap keras, serta tidak diplomatik.

Asiaweek memetik kenyataan Lain Kuan Fook, Ketua Setiausaha Eksekutif Persekutuan Dewan Perhimpunan Cina Malaysia mengenai Setiausaha Agung DAP itu: *"Lim Kit Siang is not a statesman, but he's a consummate politician. Utterly ruthless. He will tear you apart. He will chop you into little pieces."*

Dipercayai antara strategi untuk menjayakan Tanjung III ialah meletakkan pengundi Cina dalam dilema. Di tangan mereka nasib masa depan Kit Siang dalam

percaturan politik tanahair. Kit Siang mungkin hanya bertanding di peringkat negeri saja. Beliau tidak akan bertanding kawasan Parlimen.

"Masa depan politik Kit Siang berada di tangan pengundi Pulau Pinang. Apakah mereka mahu melihat seorang Ketua Pembangkang yang baik dan berkesan, kehilangan jawatannya di Parlimen dan tidak mendapat tempat sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang? Jawatan Ketua Pembangkang hanya boleh ditebus dengan terlantiknya Kit Siang sebagai KM Pulau Pinang yang baru," bersemangat sekali seorang penyokong DAP menyampaikan hujah kepada saya.

"Orang Cina Pulau Pinang tidak pedulikan nasib Kit Siang. Tidak ramai yang sayang kepadanya. Mereka tidak berada dalam keadaan dilema jika Kit Siang hanya bertanding di peringkat negeri," kata seorang pensyarah ekonomi.

"Langkah DAP mendekati masyarakat Melayu boleh membawa kesan buruk kepada DAP dari kacamata orang Cina. Gerakan akan menimbulkan ketakutan terhadap masyarakat Cina dengan mendakwa kepentingan Cina terjejas sekiranya DAP menang. Sebab itulah kita dapati poster bertajuk "Tanjung 3 = Kelantan" di serata Pulau Pinang. Hubungan PAS dan DAP direka untuk menakutkan Cina tentang hudud. Ekonomi Pulau Pinang dikatakan akan merosot jika pembangkang memerintah seperti yang berlaku di Kelantan," tambah seorang pemerhati politik.

Pulau Pinang adalah negeri Anwar Ibrahim. Tentu Anwar tidak akan meletakkan negeri yang pesat pertumbuhan ekonomi itu, yang menyediakan peluang pekerjaan kepada orang Melayu di negeri-negeri berdekatan, dan

menjadi fokus media asing, dalam keadaan tertekan.

Namun yang pasti Anwar tidak senang duduk menghadapi pilihan raya kali ini. Kakinya lebih terikat di kampung halamannya sewaktu kempen pilihan raya nanti. Bagi PAS ia satu perkembangan baik kerana serangan berbisa Anwar di Kelantan, Kedah dan Terengganu dapat dikurangkan.

"PBS juga terselamat dengan ucapan celupar Anwar kerana Anwar lebih tertumpu untuk memaki Kit Siang," dakwa seorang ahli PBS.

GILIRAN KETUA MENTERI SABAH PILIHAN RAYA NEGERI TAHUN HADAPAN?

Cerita pasal politik Sabah memang tidak pernah selesai, sama ada sebelum Umno masuk Sabah, apatah lagi selepas Umno menguasai Dewan Undangan Negeri Sabah melalui "rampasan kuasa" awal tahun 1994. Kemenangan Umno di Sabah adalah kemenangan yang tidak bermaruah dan begitu memalukan dalam sejarah politik tanahair.

Umno menang bukan sebagai menang anak jantan. Umno menang melalui manipulasi politik wang yang amat dahsyat. Bagaikan bagi Umno Sabah, semuanya boleh dibeli kecuali Pairin. Tak percaya tanyalah Kadir Sheikh Fadzir! Lebih menyedihkan apabila kemenangan yang tidak berakhlak lagi kurang ajar ini dikemudikan oleh

panglima besar Umno Baru sekarang, Anwar Ibrahim.

Itu hanya mukadimahnyanya. Kita tidak berminat lagi mendengar cerita lama. Orang tidak pelik dengan amala rasuah pemimpin-pemimpin Umno bagi membeli undi dan kini membeli ADUN yang menang atas tiket pembangkang. Perhatian lebih tertumpu kepada masalah dalaman Umno dan komponen BN di sana. Masalah konsesi balak juga dibangkitkan secara serius.

Dua parti baru yang muncul selepas "rampasan kuasa" Umno terhadap Kerajaan PBS Sabah, iaitu Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) pimpinan Joseph Kurup dan Parti Demokratik Sabah (PDS) kini dilanda krisis kepimpinan. Kedua-dua parti komponen BN ini, khususnya PBRs, tergugat dengan penyertaan kembali beberapa tokoh pengasasnya ke dalam PBS.

Ini menandakan zaman tidak menentu politik Sabah berulang. PBS pimpinan Pairin nampaknya semakin mantap selepas dilanda krisis yang cukup dahsyat dan memalukan. Masyarakat Kadazan Sabah nampaknya masih menghormati Pairin selaku huguan siou mereka. Mereka merasakan Pairin dikhianati dan para pengkhianat itu harus dihukum, termasuk adiknya sendiri, Jeffrey Kitingan. Kesatuan masyarakat Kadazan yang membentuk 40 peratus penduduk Sabah nampaknya semakin pulih di bawah PBS dengan meninggalkan PBRs dan PDS dalam keadaan terumbang-ambing.

Fenomena politik Sabah semakin tidak menentu apabila kewibawaan Ketua Menteri, Sakaran Dandai dipertikai secara meluas, oleh rakyat Sabah dan juga ahli-ahli Umno sendiri. Sakaran terlalu naif untuk menanganai kemelut politik Sabah. Beliau seperti tidak dapat berdiri atas kakinya sendiri, dan sering menyandarkan setiap

GILIRAN KETUA MENTERI SABAH
PILIHAN RAYA NEGERI TAHUN HADAPAN?

keputusannya kepada Kuala Lumpur.

Lim Kit Siang sewaktu berkunjung ke Sabah pada 25 September 1994 merumuskan: "*Sakaran Dandai is becoming quite an embarrassment for Sabahans as he is the most ineffective Sabah Chief Minister in Sabah history.*"

Justeru itu Sakaran disifatkan lebih sesuai menjadi Tuan Yang Dipertua Negeri Sabah menggantikan Tun Mohd Said Keruak yang akan tamat tempoh perkhidmatannya hujung tahun ini. Umno Sabah perlukan tokoh muda yang sanggup menghadapi cabaran sengit pergolakan politik Sabah yang boleh meletus bila-bila masa. Lagi pula hanya Sakaran merupakan pemimpin senior yang sesuai untuk jawatan itu. Calon yang dianggap sesuai dan berkecayaan menggantikan Sakaran ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Salleh Tun Said Keruak dan Menteri Tanah dan Koperasi, Osu Haji Sukam.

Namun perhatian lebih tertumpu kepada Salleh, yang juga Menteri Kewangan negeri. Dalam pada itu isu lain pula menjelma. Harus diingat bahawa Mahathir sudah berjanji dalam kempen pilihan raya Sabah yang lalu, jawatan Ketua Menteri akan digilirkan bagi tempoh dua tahun setiap penggal. Ini bermakna Salleh hanya sempat menjadi KM Sabah untuk jangka masa setahun sahaja.

"Umat Islam menunggu masa sepuluh tahun untuk memerintah Sabah semula. Tiba-tiba bila kita menang, senang-senang saja orang lain mendapat manfaat darinya. Mana boleh! Sakaran adalah pemimpin peralihan yang menumpukan masanya untuk menstabilkan politik Sabah. Pembangunan Sabah belum terlaksana dengan baik. Alih-alih kita nak serahkan kepada orang lain. Ini tidak adil," seorang penyokong Umno Sabah menelefon saya, meluahkan rasa hatinya.

Tiba-tiba saya teringat analisis majalah *Asiaweek* 1 Mei 1994 yang memperihalkan krisis Anwar-Mahathir. Majalah itu ada menyenaraikan faktor-faktor yang boleh merenggangkan hubungan Anwar-Mahathir, antara lain ialah mengenai janji-janji Mahathir untuk menggilirkan tiga pemimpin yang mewakili kaum terbesar di Sabah, iaitu Melayu, China dan Kadazan, sebagai Ketua Menteri Sabah bagi tempoh dua tahun setiap seorang:

What got the pundits going was the Sabah state election in February. Mahathir asked Anwar to manage the campaign. The independent-minded Sabahans had kept the local Parti Bersatu Sabah in power since 1985. But Umno and its partners won 2 seats out of 48.

Other victors eventually crossed over. Anwar's men made clear that it was he who had "won" Sabah - and privately admitted that Mahathir's contribution was questionable. "Things were going well for us at the start of the campaign," recalls a young Anwar associate. "Then Mahathir came along and said he wanted to rotate the chief minister. It upset the Muslim community

Maka siapa yang dipersalahkan kini dengan janji-janji itu kalau bukan Mahathir. Sementalahan pula imarah Mahathir memang sedia buruk di Sabah. Ahli-ahli Umno dan masyarakat Muslim mula memprotes.

"Daripada menyerahkan begitu saja kerusi KM Sabah lebih baik kita menyerah selepas kalah bertarung. Biar rakyat tentukan pilihan mereka," tegas penyokong Umno tadi.

Dia menjangka pilihan raya Sabah mungkin terpaksa diadakan selepas, katakan, Salleh Tun Said melepaskan jawatannya selepas hanya memegang selama setahun sahaja.

19

SURAT MAHATHIR KEPADA MB KELANTAN **HUJAH UMNO TOLAK HUDUD**

Pihak Kerajaan Pusat sentiasa berpandu kepada kebijaksanaan (al-hikmah) yang telah ditunjukkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. dan juga para sahabat baginda khususnya al-Khulafa al-Rasyidun dalam melaksanakan ajaran Islam lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan hukum-hukum jenayah.

Jalan yang diambil oleh pihak Kerajaan Pusat ini adalah juga berpandukan kepada kaedah yang terdapat dalam sistem pemerintahan Islam iaitu "tindakan pemerintah adalah sentiasa bergantung kepada kepentingan ramai (muslihat umum)".

Penguatkuasaan kanun jenayah yang digubal oleh Kerajaan PAS di Kelantan, menurut kajian sehingga setakat

ini tidak menampakkan dan tidak meyakinkan pakar-pakar perundangan Islam yang tidak mempunyai sebarang kepentingan politik bahawa ia selari dengan ajaran dan kehendak Islam sebagaimana yang telah diuruskan dengan bijaksana oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat.

Sepertimana Yang Amat Berhormat (Menteri Besar Kelantan) sendiri sedia ketahui, KEADILAN adalah ASAS yang paling utama ditekankan oleh agama Islam apabila melaksanakan sesuatu perkara. Penekanan mengenai dengan keadilan adalah sangat terserlah dalam ajaran Islam lebih daripada penekanan yang terdapat dalam ajaran-ajaran yang lain dalam sejarah agama. Salah satu daripada penekanan yang telah dibuat oleh Baginda Rasulullah s.a.w. sewaktu mengembangkan agama Islam ialah usaha menghapuskan ketidakadilan yang menjadi sebahagian daripada budaya di zaman itu.

Tidak perlu saya menyatakan di sini betapa banyaknya terdapat ayat-ayat al-Quran yang menegaskan tentang pentingnya keadilan dan lebih banyak lagi ayat-ayat yang mencela sebarang jenis kezaliman. Di samping itu al-Quran juga sentiasa menggesa supaya dielak daripada terjadinya huru-hara dan Allah sendiri sangat tidak gemarkan kepada mereka yang menyebabkan huru-hara berlaku.

Agama Islam tidak menyuruh orang Islam bermusuhan dengan bukan Islam semata-mata kerana mereka bukan Islam. Kita hanya bertindak balas terhadap sikap permusuhan dan serangan yang dilakukan terhadap kita. Di Malaysia, orang bukan Islam bukan sahaja tidak memusuhi kita tetapi mereka memberi kerjasama bahkan membantu kita dalam urusan-urusan yang bersangkutan dengan kegiatan dan amalan ajaran Islam.

SURAT MAHATHIR KEPADA MB KELANTAN
HUKUM UMNO TOLAK HUDUD

Khusus mengenai undang-undang jenayah PAS di Kelantan, kajian awal menunjukkan dengan jelas bahawa undang-undang itu yang disediakan menerusi perjuangan sebuah parti politik ternyata bukan sahaja menyebabkan ketidakadilan akan berlaku tetapi, sebaliknya ia akan membawa kezaliman.

Kebenaran kenyataan ini adalah berdasarkan kepada keterangan berikut:

(i) Dakwaan bahawa undang-undang ini akan dikuatkuasakan hanya di kalangan orang Islam sahaja dan tidak digunapakai untuk orang bukan Islam akan menyebabkan ketidakadilan dan kezaliman yang ketara berlaku. Memang benar di zaman Nabi Muhammad s.a.w., orang Yahudi biasa dihukum di bawah undang-undang yang berada di dalam kitab Taurat mereka tetapi kitab Taurat mempunyai hukuman yang tidak berbeza dengan hukuman-hukuman dalam al-Quran. Mereka yang berzina umpamanya, akan dihukum rejam sama seperti hukuman terhadap jenayah yang sama bagi orang Islam. Justeru itu tidak ada perbezaan sama ada penjenayah dihukum di bawah undang-undang Islam atau undang-undang Yahudi di zaman Nabi Muhammad s.a.w.

Tetapi terdapat perbezaan yang amat ketara di antara hukuman di bawah undang-undang yang ada sekarang dengan hukuman di bawah undang-undang jenayah yang dicadangkan oleh Kerajaan PAS di Kelantan. Menghukum orang Islam dengan lebih berat tetapi orang bukan Islam dengan amat ringan untuk jenayah yang sama atau jenayah yang dilakukan bersama-sama amatlah tidak adil dan merupakan satu kezaliman, sedangkan undang-undang Islam adalah untuk keadilan.

Jika pelaksanaan di bawah undang-undang PAS akan menyebabkan ketidakadilan dan kezaliman berlaku, maka undang-undang PAS tidak boleh diterima sebagai undang-undang Islam atau secocok dengan undang-undang Islam ataupun seiaras dengan ajaran Islam. Ia sebenarnya bertentangan dengan agama Islam.

(ii) Masalah kesalahan merogol wanita, berdasarkan kepada undang-undang PAS, jika seseorang wanita yang belum berkahwin melahirkan anak maka ini adalah bukti yang ia telah berzina dan akan dihukum mengikut undang-undang PAS, sedangkan apa yang sebenarnya berlaku ialah wanita itu adalah mangsa rogol. Mengikut undang-undang PAS jika ia menuduh perogolnya, tuduhan hanya boleh diterima sah jika terdapat empat orang saksi (yang terdiri daripada orang-orang yang baik, yang tidak melakukan dosa besar) yang menyatakan bahawa mereka telah melihat dengan terang dan jelas bahawa yang dituduh telah merogol wanita berkenaan.

Sepertimana kita tahu, melainkan dalam keadaan perang seperti di Bosnia di waktu mana orang Serb merogol beramai-ramai wanita Bosnia, tidak mungkin jenayah merogol dilakukan di hadapan saksi-saksi yang terdiri daripada orang-orang yang baik. Jika saksi ini melihat dan mereka tidak menolong wanita berkenaan, mereka boleh dianggap sebagai bersubahat sepertimana penjenayah-penjenayah Serb bersubahat dengan perogol daripada kaum mereka.

Jika ada pun saksi, dan mereka tidak membuat apa-apa untuk menolong, mereka tidak boleh dianggap sebagai terdiri daripada orang yang baik, tetapi di sebaliknya akan dianggap sudah bersubahat. Kenyataan mereka tidak lagi boleh diterima. Dengan itu tuduhan mangsa rogol akan ditolak dan perogol akan bebas.

SURAT MAHATHIR KEPADA MB KELANTAN
HUJAH UMNO TOLAK HUDUD

Keadaan di mana mangsa rogol dihukum salah kerana melahirkan anak di luar nikah dan perogol dilepaskan sebagai tidak bersalah kerana tiada saksi adalah sama sekali tidak boleh diterima oleh sesiapa pun sebagai sesuatu yang adil, bahkan ia adalah satu kezaliman yang dahsyat.

Hukum Hudud Islam bertujuan untuk memberi keadilan kepada semua pihak. Ia bukanlah bertujuan untuk melakukan kezaliman. Undang-undang PAS jelas menunjukkan ketidakadilan dan kezaliman yang ketara akan berlaku. Justeru itu undang-undang yang disediakan oleh PAS bukanlah undang-undang yang menepati ajaran Islam. Ia hanyalah undang-undang ciptaan PAS yang bertentangan dengan penekanan oleh agama Islam yang menuntut supaya menghukum secara adil dan menolak sebarang kezaliman. Kerajaan Pusat akan sentiasa berpandu dan menerima ajaran-ajaran dan amalan-amalan Islam dari semua aspek tanpa diheret oleh kehendak organisasi politik yang mempunyai kepentingan yang lain daripada Islam dan kepentingannya.

Jika undang-undang PAS yang jelas mengandungi unsur-unsur ketidakadilan dikuatkuasakan di negara ini, dan jika ia dikatakan itulah Hukum Hudud Islam maka umat Islam dan juga anggota masyarakat bukan Islam akan hilang kepercayaan bahawa Islam membawa keadilan untuk penganutnya. Ia juga akan memberi gambaran yang buruk terhadap agama yang suci ini dan menjejaskan imej orang-orang Islam di kalangan penganut-penganut agama-agama yang lain. Ia tetap akan menyebabkan penganut agama lain menjauhkan diri daripada agama Islam dan menyebabkan orang yang berminat memeluk Islam menolaknya.

Kerajaan Pusat tidak berhajat untuk bersubahat dengan PAS bagi melaksanakan ketidakadilan sematamata untuk kepentingan politik dan sokongan oleh orang yang telah diabui matanya. Kerajaan Malaysia yang sentiasa dan terus mempertahankan ajaran dan nilai-nilai Islam tidak dapat membenarkan Kerajaan PAS menjalankan sesuatu yang bercanggah dengan prinsip keadilan yang ditekankan oleh Islam sendiri. Jika PAS cuba juga untuk menguatkuasakan undang-undang yang diciptanya yang sudah jelas bercanggah dengan prinsip keadilan Islam, maka Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap Kerajaan PAS demi menjaga maruah dan ketinggian martabat Islam dan penganut-penganutnya.


Surat Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad, yang bertarikh 15 Julai 1994 ini, dihantar kepada Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Apa yang menarik perhatian ialah Mahathir menggunakan alasan KEADILAN untuk menolak kanun tersebut. Soalnya, adilkah undang-undang yang terpakai sekarang, khususnya merujuk kes Rahim Tamby Chik dan Adigun, pemain import bolasepak Kedah? Walaupun diakui kanun ini ada kelemahan, Prof. Dato' Dr Mahmud Saedon Awang Othman (bekas Dekan Kuliyyah Undang-undang UIA) dalam kertas kerja bertajuk "Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (11) 1993: Satu Analisis" menyimpulkan: "Adalah jelas bahawa kanun ini adalah berdasarkan hukum syara'." Bagi mendapatkan jawapan PAS, rujuk buku karangan Timbalan Presiden PAS, Haji Abdul Hadi Awang, "Isu Hudud: Abdul Hadi Jawab Mahathir".



SUDAH banyak kali kita tengok Mahathir melambaikan tangan, seolah-olah mengucapkan selamat tinggal, tapi masih tak tinggal-tinggal juga. Mohamad Sabu kata, Mahathir mahu mati berdiri dalam pejabat. Anwar pun pening kepala menunggu bila lagi Mahathir nak berundur.



Nasib baik Anwar sempat mengelak, kalau tidak lebam pipi dek penangan Mahathir. Bergurau apa salahnya, boleh bawa berkat dan kemeraan. Tapi jangan lebih-lebih. Anwar pun boleh bergurau sangat, nanti dia anggap sungguh-sungguh, kacau Mahathir.



Ramai suka tengok wajah Anwar waktu ini, belum nampak berserabut macam sekarang. Waktu itu mungkin Anwar agak sabar, tetapi sekarang mudah kelim-kabut. Sepatutnya sekarang Anwar lebih tenang. Musa dah bersara, Pak Ghafar di padang golf, Sanusi di Kampung Buku, Pak Lah selalu keluar negeri, Daim pun sudah bosan dengan politik. Mahathir pula sudah beri sepenuh kepercayaan ... betulkah?




Ajii ... Mahathir dah jadi mamak roti canai. Tok Mat pun tumpang seronok sama. Masalah negara sudah banyak diserahkan kepada Anwar. Mahathir mahu enjoy sekarang. Silap-silap enjoy menvesal seumur hidup nanti!



Ramai teman-teman yang agak terkilan melihat gambar isteri Anwar, Dr Wan Azizah berpakaian begini ... di depan Mahathir pula tu. Mereka sedang mengusik penonton dengan aksi meniru pertuturan Lee Kim Sai, Samy Vellu, Sanusi Junid dan Lim Keng Yaik.



Pasukan Wawasan semasa berkempen 1993. Semuanya berdiri segak, Nazri pun tumpang semangkuk walaupun tidak bertanding. Waktu ini satu hati satu jiwa. Sekarang sudah lain, mungkin Nazri bersama Muhyiddin bertembung dengan Rahim bersama Najib. Anwar sudah pasti sokong Nazri dan Muhyiddin.



Kenangan lama, Anwar sebagai ketua, Najib menjadi naib dan dibantu oleh Muhyiddin. Adakah suasana ini akan berulang kembali selepas Anwar jadi Presiden? Najib mungkin setuju, tapi Muhyiddin tentu protes kerana dia tetap orang nombor ketiga.



Menteri Besar Kelantan, yang juga Ketua Dewan Ulama PAS dan Mursyidul Am PAS, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sentiasa menghulur salam persahabatan dengan sesiapa saja. Kestabilan politik Kelantan banyak bergantung kepadanya. Semoga Hudud dapat dilaksanakan di Kelantan secepat mungkin dan keadilan Islam dapat dinikmati, bukan setakat dibaca sahaja.



Mungkin ini gandingan yang lebih sesuai, Anwar bersama Muhyiddin?



Jangan sangka Najib tidak berpeluang menjadi PM selepas Mahathir berundur nanti. Najib pun tahu hubungannya dengan Anwar tidak semesra dulu, jadi rapat-rapatlah dengan Mahathir. Tuah avam nampak di kaki, tuah Najib di mana pula?

又有喜又有愁

他們為啥煩？



Saya sendiri tak tahu apa maknanya tulisan Cina ini. Tafsirlah sendiri menurut pengamatan politik saudara.



Rahim memberi amaran. Kepada siapa agaknya? Mungkin Nazri Zahid ataupun Roslan Kassim. Wajahnya kembali ceria, tidak seperti wajah seorang banduan seperti yang selalu ditayangkan melalui TV3. Benarkah Rahim akan dilantik Menteri Pelancongan? Kalau Rahim diterima semula, tak tahulah bagaimana Pemuda Umno berpolitik.



Apakah ini pemimpin Umno masa depan, Hishamuddin Tun Hussein Onn? Agaknya bagaimana pula nasib teman saya waktu di kampus dulu, Saifuddin Nasution yang kini Setiausaha Penerangan Pemuda Umno? Inikah gelombang ketiga dalam Umno?



Biarpun seorang demi seorang pemimpin Parti Melayu Semangat 46 keluar parti, Ku Li masih tersenyum. Staminanya setakat ini masih kuat. Biarpun begitu, Mahathir tetap gerun dengan potensi yang ada pada Ku Li. Sentuhan politik Ku Li bisa mengejutkan.



Lagi seorang pemimpin pembangkang yang digeruni Mahathir dan Anwar, iaitu Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang. Setelah terbukti keberkesannya selama 25 tahun di Parlimen, mungkin tiba giliran menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang.



Malaysia maju dengan arak dan judi. KWSP dan LTAT turut bermain arak. Inikah makna penerapan nilai-nilai Islam atau Islam yang tertiarap? Industri judi Malaysia sudah mencapai tahap multinasional, berbanggakah kita?

